

**PERANAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM
PENGURUSAN BANGUNAN WARISAN DI KAMPUNG CINA,
KUALA TERENGGANU**

NUR AFIQAH BINTI BAHAROM

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2022

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERANAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM
PENGURUSAN BANGUNAN WARISAN DI KAMPUNG CINA,
KUALA TERENGGANU**

Oleh

NUR AFIQAH BINTI BAHAROM

C18A0247

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan dengan kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

afiqah

NUR AFIQAH BINTI BAHAROM

NO MATRIK: C18A0247

TARIKH: 28 FEBRUARI 2022

Tandatangan Penyelia



DR. SURAYA BINTI SUKRI
Senior Lecturer
Faculty of Creative Technology and Heritage
University Malaysia Kelantan

Tarikh: 28/2/2022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran ilahi atas kurniaNya dapat juga pengkaji menyiapkan tugas projek penyelidikan ini dengan jayanya. Projek penyelidikan ini merupakan salah satu syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan bagi tahun 2022.

Terlebih dahulu pengkaji ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr Suraya Binti Sukri penyelia bagi projek penyelidikan pengkaji kerana telah banyak meluangkan masa memberikan tunjuk ajar dan nasihat serta membimbing pengkaji bagi menyiapkan tugas ini disamping memberi semangat kepada pengkaji untuk menjalankan projek penyelidikan ini dengan sebaik mungkin. Semoga Allah S.W.T memberkati beliau sepanjang masa.


Seterusnya, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa pengkaji iaitu Encik Baharom Bin Salleh dan Puan Mira Karmila Binti Muhamad serta ahli keluarga di atas dorongan yang di berikan kepada pengkaji untuk melanjutkan pelajaran pengkaji ke peringkat yang lebih tinggi dan sentiasa memberi kata-kata semangat kepada pengkaji untuk meneruskan pengajian. Meraka juga telah mengeluarkan banyak duit ringgit bagi memastikan pengkaji dapat belajar dengan tenang dan selesa. Semoga Allah S.W.T permudahkan segala urusan keluarga pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada informan-informan pengkaji secara langsung mahupun secara tidak langsung kerana telah membantu pengkaji dalam menyiapkan tugas ini dengan memberikan pendapat masing-masing supaya tugas ini dapat diselesaikan dengan jayanya.


Akhir kata, pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pensyarah dan juga pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu pengkaji untuk menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Semoga sentiasa dilindungi Allah S.W.T.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

JADUAL KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	ix

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	9
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Penutup	13
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.0 Pengenalan	14
2.1 Daftar Istilah	14
2.1.1 Situasi pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia	17
2.1.2 Penyenggaraan bangunan warisan	19

2.1.3 Kriteria penting mengukur keadaan bangunan warisan	21
2.1.4 Skema warna asal bangunan warisan	22
2.2 Kerangka Teori	23
2.2.1 Teori Pengurusan Birokrasi Max Weber	24
2.3 Penutup	25
BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.0 Pengenalan	26
3.1 Pendekatan Kajian	26
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Unit Analisis	28
3.4 Kaedah Kajian	
3.4.1 Kaedah Kualitatif	29
3.4.2 Kaedah Kuantitatif	29
3.5 Teknik Pengumpulan Data	
3.5.1 Data Primer	30
3.5.2 Data Sekunder	32
3.6 Pensempelan Data	34
3.7 Analisis Data	36
3.8 Penutup	38

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 pengenalan	39
4.1 Pihak bertanggungjawab	40
4.2 Aspek Pengurusan	44
4.3 penglibatan komuniti	46
4.3.1 data demografi responden	46
4.3.2 data demografi umur	47
4.3.3 data demografi pendidikan	48
4.3.4 data demografi bangsa	49
4.3.5 data demografi pekerjaan	49
4.3.6 data demografi pendapatan	50
4.3.7 tahap kesedaran komuniti	51
4.3.8 sumbangan dan kepentingan	54
4.3.9 aspek ekonomi	59
4.4 Penutup	63

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan	64
5.1 cadangan	66
5.1.1 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	67
5.1.2 komuniti setempat	67
5.2 kesimpulan	67
RUJUKAN	69
LAMPIRAN	71

**PERANAN PIHAK BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGURUSAN BANGUNAN
WARISAN DI KAMPUNG CINA, KUALA TERENGGANU**

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengenai peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Permasalahan yang melibatkan pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina ialah pihak bertanggungjawab tidak menyelenggara bangunan warisan dengan baik kerana kurang penjagaan dari sudut pemuliharaan bangunan tersebut dan juga penglibatan komuniti terhadap proses pemuliharaan dan pemeliharaan dilihat kurang memberangsangkan. Bagi menangani masalah yang dihadapi tersebut, pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sebagai pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan tersebut telah melakukan pelbagai cara bagi memastikan pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina terus terjamin. Di dalam penyelidikan ini juga, pengkaji telah memberi fokus kepada objektif yang melibatkan pihak bertanggungjawab, teknik pengurusan pihak bertanggungjawab dan juga penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan. Selain itu, didalam kajian ini pengkaji telah menggunakan teori pengurusan birokrasi yang berkaitan dengan pengurusan sesuatu organisasi. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah campuran didalam penyelidikan iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah ini dilaksanakan dengan menemubual pihak bertanggungjawab terhadap bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Seterusnya, pengkaji juga telah memberikan borang soal selidik kepada beberapa orang responden. Kesimpulannya, dengan adanya penyelidikan ini ianya dapat menjadi penanda aras kejayaan kepada bagi masa depan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Kata Kunci: Pihak Bertanggungjawab, Pengurusan Bangunan Warisan, Penglibatan Komuniti

THE ROLE OF THE RESPONSIBLE PARTY IN THE MANAGEMENT OF HERITAGE BUILDINGS IN KAMPUNG CINA, KUALA TERENGGANU

ABSTRACT

This research focused on the role of responsible party in the management of heritage buildings in Chinese village, Kuala Terengganu. The responsible party does not maintain the heritage buildings properly due to lack of care in terms of conservation of the buildings and community involvement in the conservation and preservation process is seen as less encouraging. To solve the problem, the Kuala Terengganu city council as the responsible party in the management of the building has done various ways to ensure that the management of heritage buildings in Chinese village, Kuala Terengganu continues to be guaranteed. In this research as well, the researcher has focused on objective involving the responsible party, responsible party management techniques and the involvement of the community in the care of heritage buildings. In addition, in this study the researcher used the theory of bureaucratic management related to the management of an organization. Researchers have also used mixed methods in research which is qualitative methods and quantitative methods. This method is implemented by interviewing those responsible for heritage buildings in Chinese Village, Kuala Terengganu. Next, the researcher also gave questionnaires to some respondents randomly. In conclusion, with this research, it provides a benchmark for the future of those responsible the management for heritage buildings in Chinese Village, Kuala Terengganu.

Keywords: Responsible Party, Heritage Building Management, Community involvement

SENARAI JADUAL

NO.	HALAMAN
4.3.1	Data Demografi Respoden 46
4.3.2	Data Demografi Umur Responden 47
4.3.3	Data Demografi Tahap Pendidikan Responden 48
4.3.4	Data Demografi Bangsa Responden 49
4.3.5	Data Demografi Pekerjaan Responden 49
4.3.6	Data Demografi Pendapatan Responden 50
4.3.7	Tahap Kesedaran Komuniti Terhadap Kepentingan Bangunan Warisan Di Kampung Cina, Kuala Terengganu 51
4.3.8	Sumbangan Dan Kepentingan Bangunan Warisan Dari Aspek Kebudayaan 55
4.3.9	Aspek Ekonomi Di Kampung Cina, Kuala Terengganu 59

SENARAI RAJAH

NO.	HALAMAN
1.1	Peta Lokasi Kampung Cina, Kuala Terengganu 10
2.1	Kerangka Teori 23
3.1	Proses Analisis Data Tematik 30

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kuala Terengganu merupakan sebuah negeri yang terletak di pantai Timur semenanjung Malaysia yang mempunyai banyak tempat-tempat yang cantik dan bersejarah. Didalam kawasan bandar Kuala Terengganu ini terletak sebuah kampung yang diberi nama Kampung Cina. Kampung Cina ini dikatakan merupakan sebuah bandar yang paling lama didiami di negeri Terengganu kerana telah dijadikan bandar pedagang yang singgah di kawasan tersebut suatu ketika dahulu. Ramai pedagang-pedagang yang datang ke Kampung Cina ini khususnya pedagang dari China telah membina bangunan yang mempunyai seni bina masyarakat Cina yang tinggal di tanah besar negeri China. Bangunan rumah kedai dua tingkat dibina mengikut spesifikasi yang sama dengan bangunan rumah kedai tradisional masyarakat Cina di negeri China. Bangunan warisan yang terletak di Kampung Cina ini dipercayai telah berusia lebih daripada 100 tahun dan sehingga kini masih teguh berdiri dan menjadi sumber ekonomi masyarakat setempat untuk mencari rezeki.

Jabatan Warisan Kebangsaan(JWN) (2009) telah mendefinisikan bangunan warisan sebagai suatu bangunan ataupun sesuatu kumpulan bangunan yang berasingan ataupun bersambungan yang disebabkan oleh seni binanya, mempunyai nilai sejagat yang menonjol daripada pandangan sejarah, sains dan juga seni. Fielden (2000) pula telah mendefinisikan bangunan bersejarah ssebagai sebuah bangunan yang dapat menerbitkan perasaan kagum dan membuatkan kita ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai budaya dan bangsa yang telah menghasilkannya. Beliau turut mengatakan bahawa jika sesebuah bangunan itu masih berdiri teguh setelah lebih 100 tahun usianya ianya sudah mampu digelar sebagai bangunan bersejarah.

Warisan merupakan suatu yang telah diterima oleh masyarakat sejak turun temurun oleh seseorang kepada sesebuah kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ianya membawa maksud sesuatu yang berlaku seperti perilaku seseorang ataupun kreativiti mereka haruslah dimiliki dan perlu diterima oleh masyarakat mengenai generasi terdahulu. (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2007). Menurut (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015), warisan budaya ketara boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih. Warisan budaya ketara iaitu sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Contohnya seperti bangunan warisan dan juga monumen yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Manusia melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan. Ini menyebabkan terhasilnya bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung, busana, batu nisan dan manik yang di lihat dari sudut seni bina dan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan.

Setiap bangunan yang tidak mengira lama mahupun baru seharusnya mempunyai satu sistem pengurusan yang baik. Pengurusan penyenggaraan ini penting bagi memastikan bangunan tersebut tidak mudah rosak, lusuh dan using ditelan zaman. Salah satu aspek yang penting dalam penyenggaraan bangunan ialah memberikan penumpuan yang lebih kepada bahan-bahan warisan seperti bangunan warisan. Hal ini kerana, kesedaran dan minat masyarakat serta negara terhadap bahan-bahan warisan semakin meningkat sejak kebelakangan ini (Ahmad, 2002). Kerja-kerja penyenggaraan bangunan bersejarah atau bangunan lama adalah berbeza dengan penyenggaraan bangunan biasa. Perbezaan yang ketara ini dapat dilihat dari segi bahan binaan, kemasan dan seni pertukangnya. Oleh itu, bagi memastikan setiap kerja penyenggaraan yang akan dijalankan ke atas bangunan bersejarah atau lama, kajian terperinci mengenai kerja penyenggaraan tersebut perlu dibuat supaya ia betul-betul bersesuaian dengan keadaan dan usia bangunan tersebut. Hal ini penting bagi memastikan keaslian dan nilai eksklusif bagi bangunan tersebut tidak pudar. Ketika kerja-kerja penyenggaraan

tersebut dijalankan. Semasa proses tersebut dijalankan pihak yang lebih mahir mengenai bangunan tersebut haruslah turun padang bagi memastikan nilai estetik yang terdapat pada bangunan tersebut terus terpelihara (Lee Choon Hoe, 2002). Dapat dilihat pada masa kini, proses pengurusan dan pemeliharaan bangunan dilihat tidak lagi menjadi keutamaan kerana cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi semasa proses penyenggaraan dijalankan. Sebagaimana yang diketahui penjagaan sesuatu artifak ataupun tinggalan sejarah haruslah dilakukan dengan berhati-hati dan mengikut prosedur yang betul bagi memastikan nilai barangan tersebut masih seperti sebelumnya.

Penyenggaraan terhadap sesebuah bangunan warisan bertujuan bagi memelihara dan mengekalkan bangunan tersebut sebaik mungkin mengikut keadaan asalnya bagi menjamin nilai yang baik supaya mampu memenuhi fungsi bangunan. Penyenggaraan juga bertujuan bagi mengurangkan atau meminimalkan kerosakan pada struktur, fabrik, perlatan serta komponen bagi sesebuah bangunan dengan lebih efisien dan juga efektif. Efisien merujuk kepada keupayaan menjalankan tugas dengan baik sementara efektif pula ialah memilih dan mempunyai matlamat yang betul. (A. Ghafar Ahmad ,1994).

Cabaran dalam melindungi struktur warisan adalah untuk mengekalkan fabrik-fabrik bersejarah yang terdapat pada struktur tersebut, dengan pada masa yang sama menyediakan atau memastikan tahap keselamatan yang munasabah bagi keseluruhan penghuni dan isi yang terkandung di dalamnya. Arkitek dan jurutera yang bertanggungjawab dalam proses pemuliharaan binaan perlu memiliki sensitiviti, idea dan kaedah penyelesaian bagi menyediakan sistem pencegahan kebakaran dan tindakan perlindungan yang tidak merosakkan fabrik-fabrik bersejarah pada struktur warisan tersebut. (Nurul Hamiruddin Salleh dan A. Ghafar Ahmad ,2009).

Pihak pengurusan membawa maksud kumpulan atau syarikat yang bertanggungjawab dalam menguruskan sesuatu acara ianya juga merujuk kepada organisasi. Menurut Ivancevich (1990) pengurusan membawa maksud proses yang dilaksanakan oleh kombinasi diantara manusia, teknologi, kreativiti ataupun kemahiran bekerja serta sumber-sumber lain dengan bermatlamatkan pencapaian tahap penorganisasian yang paling berkesan.

Menurut (Omar, 2016), Bagi menghasilkan sesuatu organisasi itu mencapai kemajuan, sesuatu yang penting harus diambil kira iaitu bagaimana sesebuah pengurusan itu berfungsi untuk mencapai visi, misi dan matlamat dengan lebih tersusun dan sistematik. Konsep-konsep dalam sesebuah pengurusan amat penting kerana dengan adanya konsep-konsep tersebut sesuatu kerja tersebut dapat dilakukan dengan mudah. Konsep pengurusan dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu perancangan, pengurusan, pengawalan serta kepimpinan. Setiap pengurusan mementingkan hala tuju yang betul bagi memastikan gerak kerja yang dilakukan akan bersesuaian dengan apa yang telah dirancang. Sekiranya gerak kerja yang dilakukan tidak selari dengan napa yang telah dirancang, pihak bertanggungjawab di dalam pengurusan akan mencari jalan penyelesaian dan akan membantu untuk memperbaikinya supaya semua berjalan dengan baik dan teratur.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kampung Cina yang terletak di Kuala Terengganu merupakan salah satu Chinatown yang popular di Malaysia selepas Chinatown di Melaka dan Chinatown yang terletak di Pulau Pinang. Kampung Cina ini terletak di pusat bandar Kuala Terengganu bersebelahan dengan muara sungai Terengganu yang berhadapan dengan laut china selatan. Kampung Cina ini juga disebut sebagai Teng Lang Po atau KT Chinatown oleh masyarakat tempatan. Kampung Cina ini adalah salah satu penempatan awal masyarakat cina di Asia Tenggara, disini terdapat rumah penduduk, tokong, rumah kedai dan tempat perniagaan. Kampung cina Kuala Terengganu dipercayai ditubuhkan oleh masyarakat cina pada akhir abad ke-19. Kampung cina ini dahulunya merupakan pusat aktiviti komersial yang membantu pembentukan Kuala Terengganu menjadi seperti sekarang. Masyarakat cina membina rumah kedai yang dirancang secara tradisional mengikut tempat asal mereka di Negara China.

Bangunan warisan ini memang direka dan dibina mengikut tempat asal kaum cina seperti yang terdapat di tempat asal mereka, jika dilihat bangunan-bangunan yang berada di situ masih dikekalkan sehingga ke hari ini kerana ianya telah diwartakan sebagai tapak warisan UNESCO Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah Program Watch Monumen bagi memastikan keindahan dan pemeliharaan warisan yang wujud pada zaman pra-kolonial yang ketara. Kerana itulah kita akan mendapati kawasan kampung Cina ini masih lagi perkampungan tradisional walaupun hakikatnya ia terletak di tengah bandar dan dikelilingi bangunan-bangunan yang baru (Media Permata, 2020). Bangunan warisan tersebut tersebut merupakan deretan bangunan yang telah pun dibina sebelum peperangan lagi. Kebanyakan bangunan terdiri daripada bangunan dua tingkat dengan menggunakan batu-bata serta struktur konkrit pada lantai kayu di tingkat dua. Beberapa bangunan masih mengekalkan kayu ukiran pada tingkap serta masih menggunakan pintu hadapan yang besar dan diperbuat daripada kayu yang berat. Namun terdapat juga bangunan yang telah ubah kepada bangunan konkrit yang lebih moden.

Kampung Cina popular dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelancong asing didalam mahupun luar negeri Terengganu telah diuruskan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT,2010) dengan kerjasama Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Terengganu dan akhir sekali komuniti tempatan yang terdapat di sekeliling kawasan tersebut. Semua aspek yang diperlukan dalam pengurusan Kampung Cina adalah di bawah tanggungjawab ketiga-tiga pihak tersebut. Bagi menarik pengunjung ke Kampung Cina pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telah mengambil inisiatif dengan mencantikkan lorong- lorong yang terdapat dicelah-celah bangunan warisan tersebut dengan pelbagai kreativiti seperti melukis mural dan ukiran pada dinding, sejarah penyu, hiasan-hiasan antik dan juga gambar tiga dimensi turut diciptakan dan yang paling popular ialah the Payang memory lane yang turut dikenali sebagai Lorong kenangan, nama 'payang'diambil bersempena nama Pasar Payang yang merupakan Pasar yang paling popular di kalangan pelancong dan pada dinding juga dihiasi dengan gambar-gambar pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang banyak menabur jasa di Terengganu.(Harian Metro, 2019)

Selain itu, pihak dari Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Terengganu (MOTAC) juga banyak memperkenalkan warisan yang terdapat di Kampung Cina kepada pengunjung luar dengan mengadakan aktiviti tahunan yang popular di Kawasan tersebut. Tujuannya ialah untuk menarik minat pengunjung serta golongan muda untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah Kampung Cina. Antara aktiviti yang popular yang dianjurkan ialah Festival Peranakan Terengganu (The Star,2018). Festival ini akan diadakan pada setiap tahun dan melibatkan pelbagai kaum, bangsa dan agama.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam meneliti kehidupan didalam arus permodenan masa kini, tempat-tempat warisan ataupun bangunan-bangunan warisan bukan hanya di Malaysia malahan juga di diseluruh dunia mempunyai masalah dalam menguruskan sesuatu warisan mereka kerana pengurusan yang dijalankan masih ditakuk lama dan tidak dilakukan dengan pengurusan yang lebih moden dan menampilkan hasil yang lebih ketara dan jitu. Apabila melibatkan sesuatu pengurusan yang perlu dijaga dengan teliti oleh pihak yang bertanggungjawab ianya memerlukan usaha yang paling jitu dan berkesan. Menurut (Syed Zainol Abidin 1995), Pemuliharaan ialah proses penjagaan serta mengatasi sesuatu warisan dari musnah serta dan dibaik pulih dengan rancangan dan pengurusan yang sistematik. Pengurusan pemuliharaan ialah kerja-kerja yang mengekalkan bentuk asal sesebuah warisan bersejarah seperti yang asal dan ianya dapat dikekalkan untuk kepentingan kebudayaan. Konsep pemuliharaan warisan harus diterima dan diambil berat dari aspek keaslian dalam warisan dan pemuliharaan. Proses bagi mengembalikan warisan dipanggil etika manakala sifat asli yang dianggap sebagai salah satu aspek estetik.

Walaupun Kampung Cina merupakan tempat yang boleh dianggap sebagai salah satu destinasi warisan dan sejarah di Kuala Terengganu, namun cara pihak pengurusan menguruskan destinasi tersebut kelihatan suram dan tiada daya penarik. Hal ini kerana, dapat dilihat dengan banyak deretan bangunan warisan tersebut tidak diselenggara dengan baik oleh pihak bertanggungjawab. Kemungkinan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan bangunan tersebut tidak diselenggara dengan baik dan menyebabkan ianya menjadi kurang menarik. Hal ini bersesuaian dengan apa yang telah diperkatakan (Yazid Salleh, 2000). Bahawa terdapat beberapa masalah yang mungkin terjadi menyebabkan bangunan warisan tidak dapat diselenggara dengan baik dengan terdapat beberapa kelemahan yang terdapat dalam bidang pengurusan bangunan warisan di Malaysia antaranya kesukaran untuk mewartakan sesuatu

bangunan warisan tersebut, terdapat pembinaan bangunan yang lebih moden di sekitar kawasan bangunan warisan, aktiviti vandalisme oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab selain terdapat kekurangan pakar dalam selok belok mengenai bangunan warisan serta kekurangan dana tambahan oleh pihak yang sepatutnya dalam pengurusan bangunan-bangunan warisan.

Penglibatan komuniti dalam sesuatu proses pemuliharaan dan pemeliharaan pada dasarnya dilihat kurang memberansangkan. Ini mungkin disebabkan oleh kebanyakan komuniti memberikan alasan mereka tidak mempunyai masa dan hanya berminat jika aktiviti yang dijalankan menarik minat mereka kerana pada arus permodenan ini, setiap individu menginginkan sesuatu yang memberi manfaat kepada mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap individu itu sendiri yang kurang berminat terhadap pengurusan warisan mereka sendiri. Menurut (Yazid, 2010), sesuatu tindakan melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan harus mempunyai penglibatan komuniti serta masyarakat, yang paling penting ialah komuniti yang tinggal di kawasan sesebuah tapak dan bangunan warisan yang akan baik pulih atau diselenggara. Penglibatan komuniti mampu memberikan satu titik tolak dalam menjamin kelangsungan kawasan warisan tersebut. Terdapat juga komuniti yang tidak tahu dan tidak berminat untuk melibatkan diri dengan sebarang program yang melibatkan aktiviti pemuliharaan warisan di tempat mereka sendiri. Ini kerana komuniti tersebut merasakan tiada keuntungan bagi mereka jika melibatkan diri. Selain itu, mereka juga tidak kisah sama ada warisan di tempat mereka dipulihara ataupun tidak. Ianya juga menyebabkan tidak ramai komuniti melibatkan diri secara sukarela dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak berkepentingan. Hal ini kerana, penglibatan komuniti adalah sukarela maka tiada paksaan untuk komuniti tersebut menyertainya atau tidak.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang terdapat dalam kajian ini ialah seperti berikut:

1. Siapakah yang bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu?
2. Apakah aspek yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu?
3. Mengenalpasti penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang terdapat dalam kajian ini ialah seperti berikut:

1. Mengenalpasti pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu
2. Mengkaji aspek pengurusan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu.
3. Mengalisis penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1.1: Peta Lokasi kampung cina, Kuala Terengganu

Sumber: Google Maps (Maps. n.d.)

Skop kajian ini berfokuskan kepada peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Ianya bagi mengkaji pihak yang terlibat dalam proses atau langkah-langkah yang diambil dalam memastikan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu terus terpelihara. Di samping itu, kajian ini turut memberi fokus kepada penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kampung Cina, Kuala Terengganu ini mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri dan merupakan destinasi yang wajib dikunjungi jika datang ke Negeri Terengganu. Kampung Cina ini berada dalam pentadbiran pengurusan agensi pelaksana iaitu Majlis Pemandaran Kuala Terengganu (MBKT). Majlis Pemandaran Kuala Terengganu (MBKT) bertanggungjawab dalam

memastikan segala infrastruktur dan kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut dijaga dengan baik dan memastikan segala kekurangan yang terdapat di tempat berkenaan dinaiktaraf dan memenuhi kepuasan pengunjung dan pelancong.

Kampung Cina ini terletak di tengah-tengah bandaraya Kuala Terengganu dan menghadap ke arah Laut China Selatan. Antara yang menarik di Kmapung Cina ialah dilorong-lorong bangunan warisan telah dilukiskan mural-mural dan terdapat gambar-gambar pemimpin masyarakat Cina yang telah banyak berjasa kepada negeri Terengganu. Disekitar Kampung Cina terdapat tempat-tempat yang menarik untuk dilawati antaranya Pasar Besar Kedai Payang, Marina Duyong, Pulau warisan, Pantai Batu Buruk dan lain-lain lagi.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap hasil kajian yang telah dilakukan mempunyai visi dan matlamat yang tersendiri mengikut kepada sesuatu objektif yang telah dikemukakan. Sesuatu kepentingan kajian ini akan diperoleh hasil daripada kajian yang telah dilakukan telah merangkumi beberapa pihak yang penting terutamanya bagi diri pengkaji sendiri. Hasil yang diperolehi daripada kajian ini membolehkan pengkaji menambahkan ilmu pengetahuan pengkaji dari aspek latihan serta pendidikan bagi menjayakan sesuatu penyelidikan bagi masa depan dan hasil kajian ini dapat dijadikan pendedahan kepada semua pihak.

Kepentingan kajian ini juga turut melibatkan pihak universiti. Hal ini kerana, pihak universiti telah mewajibkan setiap pelajar bagi menjalankan projek penyelidikan dan secara tidak langsung telah memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk melaksanakan sesebuah penyelidikan baru bagi memastikan ianya berguna untuk masa hadapan. Hasil yang dapat dilihat setelah melaksanakan penyelidikan ini secara tidak langsung memberikan kepentingan kepada university kerana telah banyak melahirkan pengkaji yang berpengatahuan seterusnya berilmu.

Selain itu, kepentingan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan Kampung Cina, Kuala Terengganu. Hasil dari penyelidikan ini diharapkan menjadi batu loncatan kepada pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan yang terdapat dikawasan tersebut supaya terus kekal untuk tatapan generasi akan datang.

Akhir sekali, kepentingan kepada pelajar. Diharapkan dengan adanya penyelidikan ini membuka mata pelajar betapa pentingnya pengurusan sesuatu warisan dan ianya mampu memberika rujukan kepada pelajar di masa hadapan.

1.7 Penutup

Keseluruhannya, bahagian telah membincangkan mengenai latar belakang kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, skop kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji, setiap aturan adalah amat penting dalam peringkat awal kajian, hal ini kerana, ianya dapat menegenalspasti dengan lebih terperinci tentang sesuatu yang ingin dilakukan serta isu-isu yang terlibat dalam permasalahan kajian. Hal ini menjadi hala tuju kepada kejayaan pengkaji dalam melakukan penulisan kajian yang lebih tersusun, sistematik dan mampu memberikan kepentingan kepada diri dan pihak-pihak disekeliling pengakaji.



BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Pengurusan sesuatu bangunan warisan amat dititik beratkan pada masa kini. Ianya bagi memastikan setiap inci aspek penting sesebuah bangunan tersebut mampu dijaga dan diawasi dengan baik. Pengurusan sesuatu bangunan warisan secara tidak langsung memberi impak yang baik kepada sesuatu bangunan warisan. Menurut (Powell,1994), bangunan-bangunan lama ialah warisan yang mempunyai harganya yang tersendiri disamping mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Bangunan warisan ini merupakan sesuatu yang boleh disentuh dan dilihat oleh pancaindera manusia serta dapat dihayati dengan semangat yang bermakna dan ianya termasuklah artifak-artifak serta tapak-tapak sejarah. Semua nilai sejarah saling berkaitan dengan budaya setiap orang ataupun tidak dan ianya mampu membentuk persekitaran yang bernilai dari pelbagai fungsi termasuklah fungsi fizikal dan bertapa pentingnya budaya sesuatu masyarakat tersebut.

2.1 Daftar Istilah

Pemuliharaan merupakan suatu tindakan bagi mengelakkan sesuatu objek tersebut mengalami pereputan. Hal ini perlu diambil berat supaya semua perilaku atau perbuatan yang memanjangkan hayat sesuatu warisan budaya dapat diteruskan serta semula jadi seterusnya membolehkan sesuatu objek tersebut dapat dihebahkan kepada mereka yang meminat dan melihat bangunan warisan tersebut supaya kelihatan kagum terhadap nilai estetika yang dimilikinya. Menurut (Fielden, 2003), pemuliharaan warisan dapat mementingkan nilai warisan yang sebenar bagi sesebuah bangunan warisan. Disebabkan hal itu, apa jua pemuliharaan yang telah dicadangkan terhadap bangunan warisan

memerlukan kaedah yang teratur dan sistematik supaya tidak merosakkan nilai asli sesebuah bangunan warisan tersebut. Punca-punca yang mampu membuatkan sesuatu warisan tersebut menjadi rosak disebabkan oleh teknik pengurusan yang tidak sesuai serta cara pengendalian terhadap bangunan tersebut tidak dilakukan mengikut spesifikasi yang betul. Oleh itu, suatu tindakan yang betul harus dilakukan bagi memastikan kerosakan pada bangunan warisan tersebut tidak menjadi semakin buruk. Pemuliharaan warisan bangunan haruslah dikaji dan cadangan pemuliharaan yang baik harus dilakukan.

Warisan merupakan suatu yang telah diterima oleh masyarakat sejak turun temurun oleh seseorang kepada sesebuah kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Ianya membawa maksud sesuatu yang berlaku seperti perilaku seseorang ataupun kreativiti mereka haruslah dimiliki dan perlu diterima oleh masyarakat mengenai generasi terdahulu. (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2007). Warisan budaya ketara pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu berbentuk statik dan mudah alih. Warisan budaya ketara iaitu sesuatu yang tetap dan tidak bergerak. Contohnya seperti bangunan warisan dan juga monumen yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Manusia melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial semasa usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan. Ini menyebabkan terhasilnya bangunan, monumen, mercu tanda dan artifak seperti patung, busana, batu nisan dan manik yang di lihat dari sudut seni bina dan hiasan ukiran motif dan corak pada dinding dan tiang bangunan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015).

Pengurusan merupakan aktiviti penting dalam sesuatu usaha bagi merealisasikan dasar-dasar sesuatu pembangunan sesebuah negara yang ingin memberikan fokus dalam soal pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal antara kemanusiaan, sesuatu pembangunan dengan sumber ekonomi dan pembangunan terhadap kualiti hidup (Zulkarnain, 2000). Menurut Jaafar (1988) pula, pengurusan ialah merupakan proses pembahagian input dalam sesebuah organisasi dengan menjalankan perancangan, pengorganisasian, pengawalan dan kepimpinan bagi mengeluarkan output yang diinginkan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan supaya sesuatu perkara telah dirancang dapat diperolehi dengan baik.



2.1.1 Situasi dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Malaysia

Pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan di Malaysia kini dilihat semakin suram dan tidak banyak bangunan warisan dijaga dengan baik. Bagi menunjukkan kehebatan warisan sesebuah negara, bangunan warisan merupakan warisan yang paling dijaga dan diurus dengan baik bagi mengekalkan keasliannya. Sebagai contoh, terdapat beberapa bangunan warisan di Malaysia hari ini yang masih berdiri teguh seperti, Bangunan Sultan Abdul Samad, Kota A Famosa, Istana Lama Seri Menanti dan lain-lain lagi. pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan ini merupakan sesuatu yang amat penting kepada negara. Hal ini kerana, penjagaan rapi bangunan-bangunan tersebut mampu memberikan nilai yang simbolik kepada negara seterusnya mampu menjadi tatapan generasi akan datang untuk mengetahui nilai sejarah yang telah dimiliki oleh negara mereka.

Walaupun Malaysia telah telah banyak memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan namun tidak nafikan bahawa disebabkan beberapa faktor pengurusan yang telah menyebabkan berlakunya konflik dalam isu pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan. Tidak dinafikan bahawa bidang pengurusan warisan ini juga turut mempunyai bermacam-macam masalah yang tertentu. Hal ini dapat dilihat daripada kekurangan dari segi perundangan yang menjadi suatu masalah yang semakin meningkat dan menghatui bidang pengurusan serta pemeliharaan di Malaysia. Walaupun telah banyak cadangan dan usaha yang diberikan, tetapi sehingga ke hari ini kesemua cadangan dan usaha tersebut dilihat belum mendatangkan hasil. Dalam hal ini, pihak berwajib seharusnya memandang perkara ini dengan lebih serius dan jelas bagi menangani masalah perundangan yang terjadi ini. Selain itu, campur tangan politik dalam dalam bidang pengurusan dan pemeliharaan harus dielakkan walaupun pada suatu masa campur tangan politik ini diperlukan. Walaubagaimanapun, campur tangan politik ini lebih banyak mendatangkan kesan negatif berbanding kesan positif. Menurut

(Ahmad Nasirin Sukarni, 1999), campur tangan yang berlaku diistilahkan sebagai *Parachute In* iaitu disebabkan oleh suatu pembangunan yang tidak terdapat dalam suatu Rancangan Kemajuan bagi sesebuah kawasan. Hal ini dapat dilihat dalam konflik yang berlaku terhadap sebuah bangunan warisan di Pulau Pinang iaitu bangunan era kolonial yang diklasifikasikan sebagai bangunan warisan yang mempunyai kategori 2 dan pernah didiami oleh kakitangan tertinggi pentadbiran Pulau Pinang iaitu Sir Stamford Raffles yang ingin dirobohkan bagi pembinaan sebuah Medical City dan ianya telah mendapat kelulusan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Namun, mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005, bangunan warisan yang berusia lebih dari seratus tahun itu dilarang daripada dirobohkan dan perlu dipulihra sebagai warisan negara. Menurut Enakmen Warisan Pulau pinang 2011 yang belum di wartakan, juga turut menyatakan perkara yang sama (Berita Harian,2018).

Menurut Robiah Abdul Rashid (2010), aset yang paling bernilai bagi sesebuah negara adalah stok bangunan. Bangunan lama didalam sesebuah negara turut menjadi warisan negara dan ianya haruslah dikekalkan untuk generasi akan datang. Oleh itu, salah satu langkah haruslah dilakukan bagi memastikan pengkalan bangunan warisan adalah melalui kerja penyelenggaraan yang sistematik. Kebanyakan bangunan warisan di Malaysia telah menginjak ratusan tahun usianya, tetapi langkah bagi melaksanakan kerja pemuliharaan ke atas bangunan tersebut masih di peringkat bawah dan sepertinya perkara tersebut terpinggir kerana pihak yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut lebih mementingkan kemajuan negara. sesetengah komuniti setempat juga kini sudah tidak mengambil peduli mengenai pemuliharaan bangunan warisan. Ianya merupakan satu tanggapan yang salah kerana kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan seharusnya dijalankan mengikut prosedur yang betul agar tidak merosakan nilai estetika dan struktur asal sesuatu bangunan warisan. (A. Gafar Ahmad,1994).

2.1.2 Penyenggaraan Bangunan Warisan

Penyenggaraan merupakan suatu perkataan yang diambil daripada kata akar 'senggara' yang membawa maksud pemeliharaan ataupun pengawasan. Menurut (Mohd Sabri,2007), segala perancangan dan piawaian kerja yang telah dipersetujui dikategorikan sebagai penyenggaraan yang perlu dibuat untuk memenuhi keperluan, kehendak serta fungsi bangunan warisan. Penyenggaraan bangunan merupakan suatu kerja yang dilakukan bagi memelihara, mengekalkan dan juga memperbaiki setiap bahagian bangunan yang perlu dipersetujui bagi memastikan keseimbangan antara kehendak dengan sumber yang ada dapat diselaraskan. Penyenggaraan juga menjadi suatu latihan dalam pengekalan bangunan warisan yang menjadi suatu proses yang berterusan dan merangkumi semua langkah-langkah teknikal dan praktikal bagi memastikan tapak warisan dapat dikekalkan bagi menjamin keperluan warisan dapat dinikmati tanpa adanya masalah dan juga kerosakan.

Penyenggaraan bangunan terhadap sesebuah warisan bertujuan untuk memelihara dan mengekalkan bangunan tersebut sebaik mungkin mengikut keadaan asalnya bagi menjamin nilai yang baik supaya mampu memenuhi fungsi bangunan. Penyenggaraan juga bertujuan bagi mengurangkan atau meminimalkan kerosakan pada struktur, fabrik. Peralatan serta komponen bagi sesebuah bangunan dengan lebih efisien dan juga efektif. Efisien merujuk kepada keupayaan menjalankan tugas dengan baik sementara efektif pula ialah memilih dan mempunyai matlamat yang betul.

Prinsip pengurusan dan pemuliharaan merupakan aspek-aspek yang mempunyai nilai-nilai yang terdiri daripada ciri etika serta kualiti estetik dalam pelaksanaan kerja pemuliharaan. Etika dalam prinsip suatu pengurusan amat menekankan sikap yang baik kepada bangunan warisan ataupun bersejarah. Bagi mencapai sesuatu kualiti kerja yang baik (Jabatan Warisan Kebangsaan, 2012) telah menekankan kepada kepatuhan prinsip pemuliharaan dengan segala yang terlibat dalam proses pengurusan dan pemuliharaan bangunan warisan dan kerja-kerja

pemuliharaan di Malaysia adalah mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan ianya juga merujuk kepada prinsip yang sepertimana terdapat dalam garis panduan serta paigam antarabangsa iaitu UNESCO dan ICOMOS. Prinsip-prinsip yang telah digariskan merupakan panduan yang dapat membantu Konservator, Arkitek dan juga Kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja pemuliharaan. Prinsip dan etika yang utama yang perlu dipatuhi semasa proses pemuliharaan ialah keadaan bangunan mestilah direkodkan sebelum apa-apa kerja dilakukan, apa-apa bukti sejarah yang ditemui tidak boleh dimusnahkan, diganti ataupun dialih, apa-apa gangguan kerja atau sentuhan keatas bangunan warisan mestilah dilakukan dengan seminima mungkin, apa-apa gangguan kerja haruslah dilakukan dengan penuh cermat dan mempunyai rasa hormat bagi menjaga nilai estetika, sejarah dan ciri-ciri fizikal sesuatu bangunan lama dan semua kaedah ataupun bahan yang digunakan dalam kerja-kerja pemuliharaan haruslah direkodkan.

Usaha pengkalan bangunan-bangunan lama tidak terhenti hanya selepas sesebuah bangunan itu di wartakan sebagai warisan tetapi perlu diteruskan melalui penjagaan serta pengawasan yang bersistematik dari semasa ke semasa secara proaktif (Hamilton dan Salleh, 2001). Langkah ini dilihat sebagai langkah pencegahan yang mampu mengurangkan kerosakan yang sama daripada berulang serta memberi jaminan terhadap jangka hayat bangunan warisan tersebut dapat bertahan dengan lebih lama. Menurut Amir Fasha(2010), pendekatan yang paling ideal dalam kerja-kerja pengkalan bangunan warisan selepas pewartaanya adalah dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan yang berterusan. Pendekatan yang sama juga banyak disentuh dalam kajian-kajian awal yang lain yang berpendapat bahawa aktiviti penyenggaraan merupakan kesinambungan dalam ujian pengkalan selepas pemuliharaanya(Paiman Keromo, 2006; Dann dan Cantell;Forster dan Kayan,2009).

2.1.3 Kriteria penting untuk mengukur keadaan bangunan warisan

Penilaian keadaan boleh dilakukan dengan begitu cekap dan kos efektif jika kriteria penilaian tertentu telah ditentukan. Sejak beberapa tahun dahulu, kajian keatas bangunan warisan telah menarik perhatian daripada begitu ramai professional termasuklah pakar-pakar industri dan penyelidik akademik (Khalil,2016). Terdapat beberapa kriteria dan kemudahan yang telah ditubuhkan di seluruh dunia dalam usaha untuk menilai dan mengekalkan keadaan bangunan. Dengan adanya beberapa pengubahsuaian, kriteria dan pendekatan penilaian boleh digunapakai dalam amalan pengurusan bangunan warisan di Malaysia. Menurut kajian yang telah dijalankan (Zuraidi et al,2016) terdapat lebih daripada dua pendekatan yang boleh digunakan untuk menilai keadaan bangunan warisan yang telah pun dikenalpasti.

Kriteria utama yang perlu ada untuk mengukur keadaan bangunan ialah dari segi fabrik yang meliputi siling bangunan, lantai bangunan, bumbung bangunan, tingkap, pintu, dinding dalam bangunan, dinding luar bangunan, kaki lima, hiasan dan juga gerbang yang terdapat pada bangunan warisan. Selain itu, keadaan bangunan juga dapat diukur melalui struktur bangunan itu sendiri yang terdiri daripada komponen asas seperti tiang yang digunakan untuk menyokong bangunan warisan, rasuk yang telah dipasang pada bangunan, kerangka bangunan serta tangga bangunan. Disamping itu, penkhidmatan juga merupakan kriteria penting bagi mengukur keadaan bangunan warisan. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan kuasa elektrik, jenis pengudaraan mekanikal, perlindungan kebakaran, saluran pempaipan, sistem gas, saluran pembentungan dan juga saluran yang berada di sekitar bangunan warisan(Zuraidi et al,2016).


2.1.4 Skema warna asal bangunan Warisan di Malaysia

Bangunan warisan lazimnya dapat dibezakan dengan penggunaan warna-warna yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi. penggunaan warna bagi bangunan warisan merupakan lambang kepada keunikan serta nilai estetik yang terdapat pada bangunan warisan tersebut. Penggunaan warna-warna yang sesuai dapat membezakan antara bangunan kerana terdapat bangunan yang mempunyai pengaruh daripada negara luar seperti China, Eropah dan Timur Tengah. Setiap bangunan tersebut mempunyai pengaruh yang berbeza dari aspek penggunaan warna. Oleh tu, semasa melakukan aktiviti pemuliharaan bangunan, pihak yang terlibat haruslah peka dengan skema warna yang telah ditetapkan tersebut.

Penggunaan warna pada bangunan amat memainkan peranan yang penting, ianya bagi memastikan ciri-ciri yang unik pada bangunan-bangunan bersejarah mahupun warisan tersebut dapat ditekankan dengan lebih baik. Elemen-elemen warna yang terdapat pada bangunan-bangunan penting kerana ianya mampu menunjukkan satu imej yang lebih jelas bagi bandar-bandar warisan. Contohnya, penggunaan warna merah yang digunakan pada setiap bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di negeri Melaka. Selain itu dapat juga dilihat penggunaan warna pada salah satu bangunan bersejarah di Pulau Pinang iaitu Cheong Fat Tze yang menggunakan warna biru sebagai identiti bangunan tersebut. Bagi memastikan warna bangunan tersebut sentiasa terjaga kaedah pemuliharaan warna bangunan menggunakan kaedah konvensional dan kaedah berteknologi sering digunakan. (A.Ghafar Ahmad,1998).

2.2 Kerangka Teori

Asas kepada kerangka teori yang digunakan dan dipilih oleh pengkaji adalah dengan menggunakan beberapa pendekatan yang berkaitan dengan teori pengurusan birokrasi yang diilhamkan oleh Max Weber (1864-1920). Max Weber telah memperkenalkan sistem pengurusan birokrasi yang menekankan kepada peranan sesebuah organisasi, pengurusan hirarki, penentuan sesuatu bahagian atau unit perkerjaan, membuat prosedur operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab. Sesuatu birokrasi yang ideal hanya wujud dimana individu memberi dan menerima arahan sebagai satu peraturan dalam sistem yang rasional.



Rajah 2.1: Kerangka Teori Max Weber
 Sumber: laman sesawang Google 2021

2.2.1 Teori Pengurusan Birokrasi

Tujuan pengkaji menggunakan Teori Pengurusan Birokrasi ialah kerana ianya dilihat bersesuaian dengan tajuk kajian yang telah pengkaji pilih iaitu Peranan Pihak Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Bangunan Warisan Di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Teori ini telah menekankan mengenai peranan sesebuah organisasi, pengurusan hereaki, penentuan sesuatu bahagian didalam unit pekerjaan, membuat prosedur mengeani operasi standard serta menjalankan tugas dan tanggungjawab. Di dalam kajian akan dilakukan, pengkaji akan mengkaji Pihak pengurusan yang bertanggungjawab dalam memastikan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu terus terpelihara. Pihak bertanggungjawab tersebut ialah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Jabatan Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Terengganu serta pihak komuniti yang berada di sekeliling tempat kajian tersebut. Pihak-pihak ini merupakan yang bertanggungjawab dalam memastikan bangunan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu terus terjaga dan terpelihara.

2.3 penutup

Melalui kajian yang telah dilakukan mengenai peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu, pengkaji telah mengetahui dan menilai betapa pentingnya sesuatu pengurusan tersebut terhadap bangunan warisan. Pelbagai aspek harus dititikberatkan bagi memastikan bangunan tersebut berada dalam keadaan yang baik serta nilai estetikanya mampu terjaga dengan baik.

Penggunaan Teori pengurusan birokrasi ini dilihat bersesuaian dengan kajian ini. Hal ini demikian kerana pengurusan yang baik terhadap bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan tersebut berjalan lancar dengan memberi penekanan dalam beberapa aspek penting dalam pengurusan sesebuah bangunan warisan.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini pengkaji akan membincangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan seperti huraian kriteria informen dan juga pemilihan Kawasan kajian. Kaedah metodologi yang digunakan dapat sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk memperolehi input dan output yang berkesan serta relevan dengan kajian yang dilakukan. Data dan analisis yang dilakukan dapat dihuraikan dengan mendalam dan lebih terperinci. Metodologi kajian merupakan teknik dan kaedah dalam mengumpul, menganalisis dan membentuk data supaya dapat menghasilkan dan memperolehi bukti yang kukuh bagi menyokong sesuatu kajian untuk dijadikan kesimpulan yang lengkap. Metodologi juga menerangkan dengan lebih mendalam mengenai yang sesuai dan berkesan dalam mencari penyelesaian dan sebab sesuatu kajian tersebut dijalankan.

3.1 Pendekatan kajian

Bagi menjalankan pengkajian mengenai peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu, pengkaji telah memilih pendekatan kajian iaitu pendekatan kajian kes. Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan ini ialah untuk memperolehi lebih banyak maklumat serta data-data yang penting bagi pengkaji untuk menjalankan kajian serta dapat menyiapkan laporan pengkaji dengan jayanya. Pendekatan kajian ini ialah suatu kaedah untuk memperolehi data yang dan ianya melibatkan lokasi sesuatu kajian tersebut dijalankan. Semua maklumat yang diperolehi akan disatukan menjadi hasil kajian. Dengan itu, ianya mampu membantu

penyelidik untuk memperolehi data dan maklumat yang diperlukan dan mengetahui perkara yang telah berlaku.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mendapatkan maklumat yang berkaitan kajian iaitu peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu dimana pengkaji akan menanyakan pihak yang berkaitan mengenai cara yang dilakukan untuk menguruskan bangunan tersebut, prinsip-prinsip utama dalam menguruskan bangunan tersebut serta penambahbaikan yang akan dilakukan bagi memastikan bangunan warisan tersebut terus terpelihara. Maklumat yang diperolehi adalah mengikut peredaran semasa dan ianya bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan iaitu peranan pihak pengurusan dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. pendekatan kajian kes ini agak sedikit berbeza dan mempunyai kaedah tertentu bagi mendapatkan maklumat.

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian merupakan salah satu kaedah kajian yang digunakan bagi menentukan kaedah yang perlu dalam proses penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk memfokuskan kepada analisis, penulisan dan pengumpulan data serta dilakukan dengan menggunakan beberapa proses penyelidikan yang terperinci dan teliti seterusnya sistematik terhadap punca permasalahan dan juga isu- isu yang berbangkit yang hadapi oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji haruslah menilai serta mengkaji kaedah kajian yang paling sesuai berdasarkan kajian yang ingin dijalankan. Reka bentuk kajian yang akan digunakan oleh pengkaji ialah berbentuk kajian kes, ianya memerlukan pendekatan dalam menganalisis kajian yang dilakukan dengan menggunakan pelbagai pengumpulan data, kepelbagaian sumber informasi dan isu-isu berbangkit yang terjadi. Reka bentuk kajian yang telah digunakan ialah kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif.

3.3 Unit Analisis

Unit analisis melibatkan suatu permasalahan yang perlu diteliti dan diambil berat ianya juga merupakan suatu yang penting yang perlu ada didalam sesebuah kajian. Bagi unit analisis ini objek kajian merupakan suatu yang perlu dikaji dan ianya juga merupakan suatu masalah yang terdapat dalam kajian. Dalam sesuatu kajian unit analisis ini melibatkan objek atau subjek yang ingin dikaji. Objek terdapat dalam ini dapat dilihat melalui manusia, lokasi, bangunan dan sebagainya. Objek yang menjadi kajian ialah manusia iaitu pihak bertanggungjawab, lokasi iaitu Kampung Cina dan juga bangunan iaitu bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina. Di dalam kajian ini, pengkaji telah memberi fokus terhadap peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kampung Cina dipilih oleh pengkaji sebagai lokasi kajian ialah kerana, Kampung Cina merupakan sebuah perkampungan perniagaan yang terawal di Negeri Terengganu dan merupakan pusat perdagangan yang popular di Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu dan disebabkan itulah Kampung Cina memiliki begitu banyak bangunan warisan yang telah dianggarkan berusia lebih daripada tiga ratus tahun. Bangunan warisan tersebut telah banyak memberikan faedah kepada masyarakat setempat kerana menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara datang untuk melihat keunikannya.

Unit analisis yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kampung Cina, Kuala Terengganu dipilih oleh pengkaji sebagai lokasi kajian ialah kerana kawasan tersebut merupakan tempat pengkaji dibesarkan dan membesar. Seterusnya, pihak bertanggungjawab juga menjadi komponen yang paling penting didalam unit analisis bagi kajian dan ianya juga melibatkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang memberikan maklumat berkaitan kajian ini.

3.4 Kaedah kajian

3.4.1 kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan satu kajian yang terdiri daripada pandangan penyelidik semasa menanyakan soalan dan juga semasa temubual yang dilakukan. Menurut Bakar, M. A (2001) beliau telah menyatakan bahawa kajian kualitatif ini merupakan kajian yang akan menekankan pembentukan teori secara induktif iaitu ianya berdasarkan kepada kefahaman yang diperolehi daripada analisis dan juga data yang mendalam yang dibuat terhadap sesuatu konteks kajian.

Penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif didalam penyelidikan ini. Patton (1990), telah menjelaskan bahawa kaedah kualitatif ini terbahagi kepada beberapa kaedah seperti kaedah lapangan, kaedah temubual, keperpustakaan dan juga kaedah keperpustakaan.

3.4.2 Kaedah Kuantitatif

Dalam kajian pengkaji juga telah menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif ini ialah merujuk kepada kuantiti iaitu suatu perkara yang boleh dikira, diukur dan ianya mampu dinyatakan dengan begitu jelas dan kukuh bersandarkan maklumat serta data yang diperolehi. Kaedah kuantitatif ini juga melibatkan proses pengukuran data dan data yang telah diperolehi dinyatakan didalam bentuk numerical. Menurut Anwar (2019), kaedah kuantitatif ini perlu dilaksanakan dengan melibatkan beberapa kaedah tertentu dan data serta maklumat yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah statistik.

3.5 Teknik pengumpulan data

Teknik pengumpulan data ialah merupakan kaedah untuk memperolehi sesuatu data ataupun maklumat yang berkaitan penyelidikan dan kajian. Dengan menggunakan kaedah penelitian dan kaedah-kaedah lain, proses pengumpulan data merupakan suatu perkara yang penting bagi mendapatkan hasil melalui penelitian dengan cara yang terperinci dan meliputi beberapa sumber yang akan diperolehi sama ada perkara tersebut datang melalui sumber secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Segala maklumat dan sumber data yang akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu yang ialah data primer dan kedua pula ialah data sekunder. Sumber daripada data primer diperolehi secara bersemuka dengan individu yang melalui perkara tersebut ataupun mengalami masa tersebut dan ianya dilakukan dengan secara rasmi mahupun tidak rasmi.

Seterusnya, bagi data sekunder pula ialah diperolehi dengan menggunakan kaedah yang diperolehi dari sumber kedua iaitu kajian lapangan, kajian teori dan kajian perpustakaan tidak terkecuali juga daripada beberapa dokumen-dokumen yang dijadikan rujukan hasil penelitian daripada kajian lepas. Dalam kajian yang telah pengkaji lakukan iaitu Peranan Pihak Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Bangunan Warisan Di Kampung Cina, Kuala Terengganu, pengkaji akan menggunakan kedua-dua sumber tersebut sebagai bahan rujukan sepanjang melakukan kajian tersebut.

3.5.1 Data primer

Data primer diperolehi daripada sumber maklumat dan ianya jua diperolehi secara langsung daripada sumber pertama iaitu informan. Ianya juga secara khasnya dikumpulkan melalui penyelidikan yang terperinci untuk menjawab setiap persoalan yang telah wujud dalam kajian.

Data primer yang digunakan didalam kajian ini dengan menemubual sumber-sumber yang terlibat dan mengetahui serba sedikit mengenai kajian yang telah pengkaji jalankan. Pengkaji juga akan mengajukan beberapa soalan yang bersesuaian dengan tajuk kajian kepada sumber tersebut.

Bagi melengkapkan sesuatu projek penyelidikan mengenai peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu, pengkaji akan menggunakan beberapa data primer untuk pengumpulan data. Data primer yang akan digunakan ialah seperti temubual, membuat pemerhatian serta soal selidik. Dengan menggunakan kaedah-kaedah ini pengkaji dapat mengukur hala tuju bagi kajian yang dijalankan.

a) Temubual

Pengkaji memilih kaedah temubual dalam kajian ini adalah kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang lebih sahih dan tepat berkaitan kajian pengkaji. Pengkaji akan melakukan sesi temu bual bersama responden daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai cara-cara mereka menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina. Pengkaji juga akan mencuba untuk berkomunikasi secara langsung dengan pihak terbabit bagi mendapatkan info yang penting untuk kajian ini.

b) Pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan melakukan pemerhatian di kawasan tempat kajian pengkaji iaitu di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Pemerhatian ini dapat membantu pengkaji untuk melihat sendiri bagaimana kawasan tempat kajian tersebut diuruskan dan suasana yang berlaku dikawasan tersebut. Hal ini dapat

membantu pengkaji untuk melengkapkan maklumat di dalam proses penulisan penyelidikan pengkaji

c) Survey/soal selidik

Melalui kaedah soal selidik ini pengkaji akan menggunakan kaedah borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai pandangan komuniti sekeliling mengenai kajian yang dijalankan. Borang soal selidik akan diserahkan melalui 'Google Form' yang akan pengkaji edarkan kepada responden dan mendapatkan maklum balas yang sepatutnya daripada mereka. Dengan adanya proses ini, ianya dapat melancarkan lagi kajian pengkaji untuk mengumpul maklumat dan data dalam penghasilan kajian pengkaji.

3.5.2 Data sekunder

Data sekunder pula merupakan sumber yang pengkaji perolehi daripada sumber kedua iaitu sumber yang diambil daripada kaedah penelitian yang terdapat didalam media yang berkait rapat dengan kajian yang mempunyai kaitan dengan secara tidak langsung seperti sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan pengkaji, buku-buku ilmiah, laman-laman sesawang yang berkaitan serta maklumat yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang melakukan kajian yang melibatkan Peranan Pihak Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Bangunan Warisan Di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan data sekunder bagi mengumpulkan maklumat serta data mengenai pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Data sekunder merupakan data yang turut dikenali sebagai sumber kedua iaitu sumber yang diperolehi melalui bahan-bahan ilmiah yang telah dijumpai oleh pengkaji untuk dijadikan bahan rujukan semasa melakukan kajian.

Dengan itu, kajian menggunakan bahan-bahan dari sumber kedua iaitu jurnal artikel, sumber sahih daripada internet dan juga keratan-keratan akhbar yang melibatkan kajian pengkaji.

a) Jurnal

Pengkaji menyiapkan kajian dengan menggunakan jurnal yang telah berjaya dijumpai bagi mendapatkan maklumat daripada kajian-kajian lepas sekaligus mendapatkan maklumat yang berguna untuk kajian ini. Dengan adanya sumber rujukan daripada sumber tidak langsung ini membolehkan pengkaji menambahkan ilmu pengetahuan mengenai penyelidikan telah dilakukan

b) Sumber internet

Sumber internet merupakan sumber yang mudah didapati dan ianya sering menjadi pilihan untuk mencari pelbagai maklumat oleh pengkaji. Melalui sumber ini ianya membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang sukar diperolehi. Banyak maklumat yang diperolehi melalui laman-laman sesawang ataupun portal-portal rasmi dan juga blog-blog yang berada di Google. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji untuk mencari maklumat ialah seperti Academia, Google Scholar dan sebagainya. Dengan itu, segala maklumat berkaitan kajian pengkaji dapat diperolehi dengan mempunyai sumber rujukan dan maklumat yang sesuai dan sahih mengikut kajian pengkaji.

c) Keratan akhbar

Sumber seterusnya yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta data ialah dengan melalui keratan akhbar online. Keratan akhbar ini juga mempunyai maklumat yang sahih dan boleh dijadikan sebagai rujukan tambahan. Dengan menggunakan sumber ini, pengkaji dapat menambahkan sedikit maklumat

mengenai tajuk kajian pengkaji iaitu peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Contoh keratan akhbar yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mencari maklumat ialah terdiri daripada Sinar Harian, Harian Metro, Awani online dan lain-lain lagi.

3.6 Pensampelan data


Pensampelan data ialah suatu proses yang digunakan bagi memilih beberapa subjek atau sesuatu perkara yang telah wujud dalam suatu populasi bagi dijadikan sebagai informan ataupun responden di dalam sesebuah kajian. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teknik SnowBall yang akan memberi fokus kepada kajian untuk mencari seberapa banyak data yang diperlukan daripada responden yang akan ditemubual oleh pengkaji bagi mendapatkan seberapa banyak laporan yang melibatkan kajian. Dengan mengaplikasikan teknik SnowBall ini data yang diperolehi oleh pengkaji akan melibatkan cadangan dan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden ataupun informan yang meyakinkan bagi memperolehi data dan maklumat yang ingin dicari. Oleh itu, dengan teknik ini responden akan mencadangkan responden yang lainnya bagi berkongsi pendapat dan maklumat mengenai data bagi kajian yang akan pengkaji jalankan. Bagi pensampelan ini pengkaji telah menggunakan pensampelan bertujuan iaitu dengan menemuramah dua orang daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Setelah melakukan pencarian mengenai responden yang akan ditemubual oleh pengkaji, pengkaji telah melakukan sesi temubual bersama responden yang terdiri daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu iaitu Puan Khairin Nadia Binti Khalid yang merupakan penolong pengarah perancang bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Encik Mohammad Yasin bin Abas yang merupakan penolong pengarah pembangunan bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Majlis Bandaraya Kuala Terengganu merupakan pihak

yang pertama yang akan ditemui oleh pengkaji dalam proses temu bual dan dengan sesi temubual daripada pihak tersebut informan dan responden lain dapat ditemui. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih lengkap pengkaji akan meminta pendapat dan pandangan daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu mengenai pihak manakah yang turut terlibat sama didalam proses pengurusan bangunan warisan. Bagi mendapatkan data mengenai objektif ketiga pengkaji telah menggunakan kaedah teknik rawak mudah iaitu pengkaji telah memberikan borang soal selidik kepada 63 orang responden dan pengkaji akan menggunakan soal selidik melalui 'google form'. Pengkaji akan memberikan pautan 'google form' kepada responden melalui aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Instagram dan juga Facebook. Hal ini kerana, responden-responden ini memainkan peranan yang penting dalam menguruskan dan menjaga Bangunan Warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Bagi mendapatkan data-data ini terdapat limitasi dalam pengumpulan data tersebut kerana tidak ramai yang menjawab soal selidik yang telah diberikan oleh pengkaji. Hal ini menyebabkan pengkaji terpaksa memberikan soal selidik ini kepada pihak luar selain daripada komuniti sekitar Kampung Cina.

3.7 Analisis Data

Analisis data merupakan teknik dan juga cara yang digunakan untuk menganalisis data serta menyelesaikan masalah data yang berasal daripada komponen kajian dan ianya dibentuk kepada elemen dan strukturnya yang memerlukan urutan yang betul bagi mendapatkan hasil dapatan kajian yang terakhir dan memberikan hasil yang baik.



Rajah 3.1: Proses Analisis Data

Sumber: Braun and Clarke (2017)

Rajah 3.1 menunjukkan proses yang perlu dilalui bagi menganalisis data. Proses yang pertama dan terawal yang harus dilakukan dalam sesebuah penyelidikan ialah dengan proses transkripsi iaitu pengagihan bunyi yang telah dirakam oleh alatan seperti rakaman suara serta audio yang diambil semasa sesi temubual bersama responden. Hal ini bagi memastikan apa yang telah ditanya oleh pengkaji dapat dirakam dan soalan yang diajukan dapat dijawab dengan baik oleh responden, hal ini memudahkan pengkaji untuk menyemak semula perbualan yang telah rekod dan sebagai bukti temubual pengkaji bersama responden.

Selain itu, pengkaji juga akan membaca dan meneliti semula hasil-hasil penulisan lepas dengan menggunakan sumber-sumber dari pengumpulan maklumat terhadap kajian yang ingin dijalankan. Pembacaan semula maklumat yang diperolehi merupakan suatu perkara yang

amat penting supaya tiada kesalahan serta ketidakjelasan dalam penyusunan ayat dilakukan. Data-data yang ingin diperolehi oleh pengkaji mestilah mengandungi maklumat yang sahih dan penting bagi memastikan kajian yang akan dijalankan ini tersusun dan bermanfaat kepada pengkaji.

Setelah selesai melakukan proses pembacaan serta penentuan data, pengkategorian serta pembahagian kumpulan mengikut objektif kajian akan dilakukan mengikut apa yang telah dirancang oleh pengkaji. Pembahagian data dijalankan berdasarkan beberapa aspek mengenai peranan pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kumpulan-kumpulan ini dikumpulkan mengikut maklumat yang telah dicari serta menjawab persoalan dan tujuan utama kajian ini dijalankan.

Langkah terakhir ialah proses ‘triangulasi’ iaitu gabungan antara sumber daripada data kualitatif serta data kuantitatif. Ianya turut melibatkan teori yang digunakan dan teknik metodologi yang digunakan dalam proses penyelidikan ini. Setiap perkara tersebut telah mempunyai hubungan yang berkait rapat bagi memastikan kesesuaian serta ketulenan kajian yang dijalankan.

3.8 penutup

Kesimpulannya, bahagian ini telah menerangkan mengenai metodologi kajian yang menjadi satu keutamaan bagi setiap kajian yang telah dilakukan. Pengurusan metodologi ini sempurna dan bersesuaian dengan kajian ini serta mampu membantu pengkaji untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Teknik pengumpulan data kajian mesti dititik beratkan bagi memastikan pencarian maklumat serta pembahagian data dapat dilakukan dengan tersusun dan terperinci bagi memastikan dapatan kajian dapat dilakukan dengan sebaiknya.



BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 pengenalan

Bahagian bab empat ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji sepanjang proses pengumpulan data kajian yang telah dilakukan keatas responden-responden yang terlibat. Data-data yang telah diperolehi oleh pengkaji melibatkan proses temubual bersama pihak yang bertanggungjawab dan juga data tersebut turut diperolehi daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden untuk dijawab. Pengkaji telah memilih untuk memberikan borang soal selidik untuk di jawab oleh responden-responden mengenai penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Dapatan kajian ini juga turut diperolehi melalui daripada temuramah antara pengkaji dan juga responden yang terdiri daripada pihak bertanggungjawab yang telah menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina.

4.1 Pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Aspek pengurusan sesuatu bangunan warisan amat dititikberatkan pada masa kini. Ianya adalah bagi memastikan setiap inci aspek penting sesebuah bangunan tersebut mampu dijaga dan diawasi dengan baik. Pengurusan sesuatu bangunan warisan secara tidak langsung dapat memberikan impak kepada sesuatu warisan budaya. Bangunan-bangunan lama ialah warisan yang mempunyai harganya yang tersendiri disamping mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Bangunan warisan ini merupakan sesuatu yang boleh disentuh dan dilihat oleh pancaindera manusia serta dapat dihayati dengan semangat yang bermakna dan ianya termasuklah artifak-artifak, tapak-tapak sejarah (Powell,1994). Semua nilai sejarah saling berkaitan dengan budaya setiap orang secara langsung ataupun secara tidak langsung dan ianya dapat membentuk persekitaran yang bernilai dan mempunyai pelbagai fungsi termasuklah fizikal sehinggalah menampakan betapa pentingnya budaya sesuatu masyarakat tersebut.

Hasil daripada temubual yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap informan dari Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) berkaitan dengan pengurusan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu ini telah menjawab objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian yang dilakukan. Kampung Cina yang terletak di bandaraya Kuala Terengganu merupakan salah satu destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi kerana ianya memiliki bangunan warisan yang dianggarkan lebih dari 100 tahun dan juga lokasi yang strategik di bandar Kuala Terengganu. Pelbagai tarikan yang terdapat di Kampung Cina antaranya ialah Pulau Warisan, Pasar Besar Kedai Payang, Bukit Puteri serta ianya turut berdekatan dengan Jambatan Angkat (Drawbridge) dan pelbagai kemudahan turut disediakan. Menurut informan dari Majlis Bandaraya Kuala Terengganu iaitu Puan Noor

Khairin Nadia Binti Khalid selaku Penolong Pengarah Perancang Bandar bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu ramah di jalankan:-

Maknanya program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab ini, dia ada MPKK... aaa.. jadi segala aktiviti dia ada MPKK pastu dia ada juga persatuan dia, persatuan ...eee ... persatuan peniaga Kampung Cina... eee.. jadi lebih kepada organisasi itu sendiri la, kalau MBKT ini dia nak mohon contohnya nak pinjam kanopi... aaa maknanya dari segi ...aaa... dari segi jual beli dia kena mohon lesen dekat dekat kita, macam tula kita kawal di MBKT.

(R1 25 November, Kajian Lapangan 2021)

Menurut pernyataan yang telah telah diberikan oleh Puan Khairin Nadia Binti Khalid, beliau telah bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana, program yang telah dijalankan di sekitar Kampung Cina memerlukan bantuan daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Beliau juga bersetuju sekiranya terdapat pihak yang inginkan lesen untuk berniaga di Kampung Cina perlulah meminta keizinan daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Hal ini kerana, bangunan warisan tersebut tidak boleh disewa sesuka hati tanpa keizinan kerana ianya mampu memberikan kesan yang tidak baik kepada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Menurut Akta Warisan Kebangsaan, monumen bermaksud kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur daripada jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri yang mempunyai nilai seagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Menurut A Ghafar Ahmad dan Nurwati Badarulzaman (2001) sesuatu pemuliharaan merupakan salah satu usaha ataupun kaedah yang berkesan bagi memulihara dan memberi suatu yang baharu terhadap bangunan warisan. Setiap pemuliharaan sesuatu bangunan warisan merangkumi kerja-kerja pengubahsuaian fungsian bangunan kepada penggunaan yang baharu dan dapat meninggalkan suatu fungsi yang lama (Mohd Yusof Ismail,2003). Kampung Cina, Kuala Terengganu salah

satu destinasi pelancongan yang popular di Terengganu kerana ianya mempunyai bangunan-bangunan warisan yang unik yang berusia lebih 100 tahun memerlukan pemuliharaan dan pemeliharaan yang baik dan tersusun dan langkah yang sistematik haruslah dititikberatkan oleh setiap pihak yang bertanggungjawab.

Menurut informan iaitu Puan Noor Khairin Nadia Binti Khalid bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu ramah di jalankan:

Pastu agensi yang terlibat ni... yang persendirian ... tuan pemunya bangunan tula ... aaa ... kalau MBKT ini sebagai yang buat kawalan terhadap bangunan sahaja la....

(R1 25 November, Kajian Lapangan 2021)

Menurut pernyataan yang telah diberikan oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, pihak komuniti setempat juga memberikan peranan terhadap bangunan warisan tersebut. Terdapat juga agensi-agensi persendirian yang telah melibatkan diri dalam proses membantu menjaga dan menguruskan bangunan warisan di Kampung Cina tersebut. Selain itu, sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan tersebut, pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu memiliki kawalan yang sepenuhnya terhadap bangunan tersebut.

Antara punca masalah yang sering berlaku dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan ialah kekurangan beberapa peruntukan tambahan. Hal ini dapat dilihat daripada bahan yang digunakan bersesuaian dengan bangunan warisan tersebut supaya keaslian bangunan warisan sentiasa berada dalam keadaan asal. Kebanyakan bahan-bahan asli yang sesuai dengan bahan asal sukar untuk diperolehi kerana berkemungkinan harganya yang mahal. Namun, dengan adanya teknologi yang lebih moden ketika ini ianya banyak membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk memperolehi bahan-bahan tersebut sesuai dengan keaslian bangunan warisan.

Menurut informan iaitu Puan Noor Khairin Nadia Binti Khalid bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu ramah di jalankan:

jadi dari segi eee... apa eee...kos sendiri. Maknanya kalau hantar pelan ke MBKT...MBKT bawak ke mesyuarat OAC ... maknanya kita dalam mesyuarat OAC tula lulus ke tolak, baru dia boleh buat. Yang buat kewangan pun ...aaa... milik persendirian la, bukan bawah MBKT la...

(R1 25 November, Kajian Lapangan 2021)

Menurut pernyataan yang telah diberikan juga, sebarang penambahbaikan yang ingin dilakukan terhadap bangunan tersebut haruslah mendapatkan keizinan daripada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Hal ini kerana, bangunan tersebut merupakan bangunan lama yang harus dipelihara dan sebarang penambahbaikan haruslah mendapat persetujuan daripada pihak pengurusan. Sekiranya terdapat pihak yang inginkan penambahbaikan terhadap bangunan tersebut ianya haruslah menunggu kelulusan daripada pihak bertanggungjawab dan dari segi kewangan juga mereka harus mengeluarkan kewangan mereka sendiri.

Pengurusan fasilititi merupakan proses bagi menyediakan sokongan yang efektif terhadap sesuatu operasi perniagaan bagi menjamin peralatan, bangunan, sistem tenaga kerja yang efektif dan penkhidmatan (Hamilton dan Norizan Ahmad, 2001). Menurut, Zuhairi Abd. Hamid (2004) berpendapat bahawa pengurusan fasilititi turut dikenali sebagai pengurusan harta dan mampu menyediakan penkhidmatan untuk menyokong operasi dalam sesebuah organisasi.

4.2 Mengkaji aspek atau teknik pengurusan pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Norasikin (2005), Rosniza Aznie et al., (2011), Jamilah (2013), mereka berpendapat bahawa sesuatu pengurusan yang baik merupakan aspek yang sangat penting didalam aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan supaya ianya dapat dilihat oleh ganerasi yang akan datang. Selain itu, bangunan juga memerlukan pangurusan yang teratur dan mengalami penjagaan yang berterusan (Hamilton dan Wan Salleh, 2001). Tambahan lagi, Siti Norzilaiha (2010) telah membuat suatu kajian mengenai cara penjagaan dan pemuliharaan bangunan warisan yang berkaitan dengan amalan dan pendekatannya di Malaysia.

Bagi memastikan setiap bangunan warisan terpelihara, teknik-teknik dan aspek yang sesuai seharusnya dititiberatkan oleh semua pihak bertanggungjawab yang terlibat dalam setiap pengurusan bangunan warisan. Langkah-langkah yang sistematik haruslah diamalkan dan dipraktikan bagi memastikan setiap bangunan tersebut terjamin dari segi bentuk, rupa dan kegunaannya tidak lari dari perkara yang asal. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Siti Nor Fatihah et al. (2011) dan Yazid et al. (2014) telah membincangkan mengenai masalah yang sering berlaku dalam aspek pemuliharaan dan penjagaan bangunan warisan di Malaysia. Masalah-masalah yang timbul telah memberikan kesan terhadap prestasi serta keadaan bangunan, kestabilan struktur dan juga ciri-ciri bangunan. Namun, fokus utama yang diberi perhatian khusus ialah terarah kepada aspek pemuliharaan dan penjagaan bangunan yang terlibat.

Menurut informan iaitu Puan Noor Khairin Nadia Binti Khalid bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu ramah di jalankan:

Kalau untuk perancangan jangka panjang ini... aaa. Pihak MBKT tetap akan kawal juga bangunan-bangunan itu... aaa... tapi selebihnya pemilik bangunan itu sendiri la yang perlu jaga dan urus... haaa... Tapi kalau nak tambah tingkat bangunan ke apa dia tetap kena 'inform' dekat MBKT la, sama ada lulus atau tidak lulus... sebab kalau bab-bab bangunan ni...eeee. Kita kena kawal jugak sebab ada tahap -tahap dia, tak boleh buat sembarangan... aaaa... kalau nak tinggi pun tak boleh jugak sebab ada kawalan dia.

(R1 25 November, Kajian Lapangan 2021)

Pihak bertanggungjawab juga telah menyediakan kemudahan fasiliti bagi mereka yang mengunjungi Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kemudahan seperti parking kereta, tempat pembuangan sampah dan lain-lain lagi. Sekiranya pengunjung datang ke Kampung Cina, Kuala Terengganu mereka tidak perlu bersusah payah untuk mencari parking. Hal ini kerana, banyak parking yang telah disediakan untuk para pengunjung. Begitu juga dengan kemudahan-kemudahan lain seperti tong sampah, tandas awam dan sebagainya.

Menurut informan iaitu Puan Noor Khairin Nadia Binti Khalid bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu ramah di jalankan:

Pastu kita juga jaga parking ...aaa... parking tak cukup tak boleh ... aaa ... kita jugak sedia tong sampah la untuk bangunan tu, sebab kawasan rumah kedai kan pastu tempat kawasan pelancongan pulak... aaa...

(R1 25 November, Kajian Lapangan 2021)

4.3 Penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Proses pemuliharaan dan penjagaan sesuatu warisan haruslah melibatkan masyarakat serta komuniti, terutamanya kelompok komuniti yang atau masyarakat yang tinggal berhampiran atau dalam sesebuah kawasan, bangunan dan tapak yang bakal ataupun telah melalui proses pemuliharaan. Penglibatan komuniti dapat dilihat dengan cara mereka menyertai latihan, seminar dan sebagainya merupakan suatu langkah serta contoh yang baik bagi meningkatkan tahap penglibatan komuniti. Hal ini membolehkan penglibatan masyarakat dan komuniti mampu memberikan kesedaran dan pendidikan tentang kepentingan proses penjagaan dan pemuliharaan tersebut perlu dilaksanakan (Yazid, 2010).

4.3.1 Data Demografi Responden

Bahagian ini melibatkan data-data yang telah diperolehi oleh pengkaji dan ianya berkaitan dengan latar belakang demografi sosial berkaitan para responden yang telah terlibat bagi melengkapkan kajian ini. Ianya diperolehi berdasarkan beberapa soalan yang telah dijawab berkaitan dengan penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu melalui borang soal selidik yang diberikan secara atas talian melalui “google form”. Maklumat-maklumat tersebut melibatkan umur, jantina, bangsa, pendapatan responden dan juga pekerjaan para responden yang terlibat telah diterjemahkan seperti yang ditunjukkan di bawah:

Jantina	Frekuensi	Peratus(%)
Lelaki	12	19
Perempuan	51	81
Jumlah keseluruhan	63	100

Jadual 4.3.1: Jantina Responden

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.1 diatas, dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 12 orang bersamaan (19%) daripada responden kajian terdiri daripada golongan lelaki, manakala seramai 51 orang bersamaan (81%) terdiri daripada responden adalah wanita. Pemilihan responden dilakukan secara rawak dan ianya dilihat di mana responden wanita yang terpilih adalah lebih ramai berbanding responden lelaki kerana kerjasama dari pihak responden wanita adalah lebih mudah untuk diperolehi.

4.3.2 Data Demografi Umur

Umur	Frekuensi	Peratus
13-24	50	79.4
25-36	7	11.1
37-48	5	7.9
49-60	0	0
Jumlah keseluruhan	62	98.4

Jadual 4.3.2: Umur Responden

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.2, menunjukkan bahawa seramai 50 orang dari kalangan responden berusia dalam lingkungan 13-24 tahun bersamaan (79.4%). Manakala seramai 7 responden berada dalam lingkungan 25-36 tahun bersamaan (11.1%) dan seramai 5 responden atau (7.9%) terdiri daripada responden berusia 37-48 tahun. Responden yang berumur 49-60 tahun menunjukkan jumlah 0 bersamaan (0%). Secara keseluruhan, responden dalam lingkungan usia 13-24 tahun menunjukkan peratusan yang paling tinggi kerana soal selidik ini dilaksanakan secara atas talian. Faktor utama yang mendorong peratusan ini menjadi tinggi ialah kerana golongan yang banyak menggunakan laman sosial adalah golongan muda berbanding golongan tua. Hal ini demikian kerana pautan “google form” diberikan di dalam laman sosial seperti Facebook dan WhatsApp.

4.3.3 Data Demografi Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratus (%)
Sekolah Rendah	1	1.6
Sekolah Menengah	11	17.5
Diploma/STPM/STAM	18	28.6
Ijazah Sarjana Muda	30	47.6
Ijazah Sarjana	2	3.2
Doktor Falsafah/PHD	0	0
Jumlah keseluruhan	62	98.5

Jadual 4.3.3: Data Demografi tahap pendidikan

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.3 di atas, menunjukkan bahawa 1 orang responden bersamaan (1.6%) mempunyai tahap pendidikan di sekolah rendah. Manakala, 11 orang responden bersamaan (17.5%) mempunyai tahap pendidikan di peringkat menengah. Seterusnya, pada peringkat Diploma, STPM dan STAM menunjukkan jumlah responden seramai 18 orang bersamaan (28.6%). Bagi tahap Pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda pula menunjukkan seramai 30 orang responden bersamaan (47.6%). Tahap pendidikan bagi Ijazah Sarjana pula mempunyai 2 orang responden bersamaan (3.2%). Tahap Pendidikan yang terakhir iaitu Doktor Falsafah atau PHD mempunyai 0 responden bersamaan (0%).

4.3.4 Data Demografi Bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus (%)
Melayu	63	100
Cina	0	0
India	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah keseluruhan	63	100

Jadual 4.3.4: Data Demografi Bangsa

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.4 di atas, menunjukkan bahawa 63 orang bangsa melayu bersamaan (100%) telah menjawab soal selidik ini. Manakala bangsa Cina, bangsa India dan lain-lain bangsa menunjukkan jumlah 0 bersamaan (0%). Hal ini kerana, kebanyakan responden yang telah menjawab soal selidik ini terdiri daripada bangsa melayu dan mungkin hanya bangsa melayu sahaja yang ingin menjawab soal selidik yang telah diberikan ini.

4.3.5 Data Demografi Pekerjaan

Pekerjaan	frekuensi	Peratus (%)
Pelajar	32	50.8
Penjawat awam	2	3.2
Pekerja swasta	12	19
Bekerja sendiri	12	19
Tidak bekerja	5	7.9
Jumlah keseluruhan	63	99.9

Jadual 4.3.5: Data Demografi Pekerjaan

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.5 di atas, menunjukkan responden mengikut pekerjaan. Seramai 32 orang bersamaan (50%) dari kalangan responden merupakan pelajar. Manakala responden yang terdiri daripada penjawat awam pula seramai 2 orang bersamaan (3.2%). Seterusnya,

seramai 12 orang dari kalangan responden bersamaan (19%) terdiri daripada pekerja swasta. Manakala, responden yang bekerja sendiri adalah seramai 12 orang responden bersamaan (19%). Selebihnya, responden yang tidak bekerja telah mencatatkan jumlah seramai 5 orang atau bersamaan (7.9%) secara keseluruhannya.

4.3.6 Data Demografi Pendapatan

Pendapatan	Frekuensi	Peratus (%)
Bawah RM 1000	41	65.1
RM 1000-RM 3000	21	33.3
RM 3001-RM 5000	0	0
RM 5000 Keatas	1	1.6
Jumlah keseluruhan	63	100

Jadual 4.3.6: Data Demografi Pendapatan

Sumber: Set Soal Selidik 2021

Berdasarkan jadual 4.3.6 di atas, menunjukkan pendapatan responden. Seramai 41 orang bersamaan (65.1%) responden mempunyai pendapatan di bawah RM 1000. Manakala seramai 21 orang bersamaan (33.3%) responden memperoleh pendapatan sebanyak RM 1000 sehingga RM 3000. Jumlah pendapatan responden bagi RM 3001 sehingga RM 5000 menunjukkan jumlah 0 bersamaan (0%). Jumlah pendapatan terakhir responden menunjukkan 1 orang bersamaan (1.6) responden memperoleh pendapatan sebanyak RM 5000 keatas.

BAHAGIAN B: PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PENJAGAAN BANGUNAN WARISAN DI KAMPUNG CINA, KUALA TERENGGANU.

Bahagian ini melibatkan data-data yang telah diperolehi oleh pengkaji dan ianya berkaitan dengan penglibatan komuniti terhadap penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu melalui borang soal selidik yang diberikan secara atas talian melalui “google form”. Soalan yang berbentuk skala likert dengan penggunaan pilihan dari “Sangat Tidak Setuju” sehinggalah “Sangat Setuju” telah dibina untuk memahami konteks kajian berhubung kepuasan pelawat terhadap penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Maklumat-maklumat tersebut melibatkan aspek kesedaran komuniti, aspek kebudayaan yang terdapat di Kampung Cina dan juga dari aspek ekonomi telah diterjemahkan seperti yang ditunjukkan di bawah:

4.3.7 Tahap kesedaran komuniti terhadap kepentingan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu

Penyataan	Sangat setuju	Sederhana setuju	Neutral/ tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Jumlah (Orang)
Bangunan warisan harus dijaga dan selia dengan baik mengikut aspek dan teknik yang telah ditetapkan bagi memastikan keasliannya terjamin	57 (90.5%)	3 (4.8%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Penglibatan komuniti amat penting dalam	51 (81.0%)	9 (14.3%)	2 (3.2%)		1 (1.6%)	63 (100%)

pengekalan sesuatu objek warisan						
Setiap lapisan masyarakat harus berganding bahu dalam memastikan setiap objek yang terdapat di tempat mereka harus dipelihara dan dipulihara dengan baik	52 (82.5%)	8 (12.7%)	2 (3.2%)		1 (1.6%)	63 (100%)
Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab bagi menarik minat pengunjung datang ke Kampung Cina, Kuala Terengganu	42 (46.7%)	12 (19.0%)	7 (11.1%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Pihak bertanggungjawab dan komuniti akan menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan sekitar kawasan Kampung Cina.	39 (61.9%)	14 (22.2%)	7 (11.1%)	1 (1.6%)	2 (3.2%)	63 (100%)

Jadual 4.3.7: Taburan responden mengikut peratusan penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu dari sudut kesedaran komuniti

Sumber: Set soal selidik 2021

Jadual 4.3.7 di atas menunjukkan mengenai penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Terengganu dari sudut kesedaran komuniti. Terdapat lima

penyataan mengenai aspek ini. berdasarkan analisis yang telah dibuat, pernyataan untuk ‘Bangunan warisan harus dijaga dan selia dengan baik mengikut aspek dan teknik yang telah ditetapkan bagi memastikan keasliannya terjamin’ telah mendapat sokongan yang sangat memberangsakan daripada respondent. Sebanyak 57(90.5%) orang responden telah didapati memilih ‘Sangat Setuju’, manakala 3(4.8%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, hanya 1((1.6%) orang respondent sahaja yang ‘Neutral/Tidak Pasti’. Manakala terdapat 1(1.6%) responden memilih ‘Tidak Setuju’ dan 1(1.6%) memilih sangat tidak setuju hasil daripada dapatan ini, jelaslah dapat dilihat bahawa responden sangat bersetuju jika bangunan harus dijaga dan diselua dengan baik mengikut aspek dan teknik yang ditetapkan bagi memastikan keasliannya terjamin.

Selain itu, untuk pernyataan bagi ‘Penglibatan komuniti amat penting dalam pengekaln sesuatu objek warisan’ mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat di sini, sebanyak 51(81.0%) orang responden didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 9(14.3%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, dan Responden yang menjawab ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 2(2.3%) orang responden dan 1(1.6%) memilih ‘sangat tidak setuju’. Jelaslah di sini bahawa penglibatan komuniti amat penting dalam pengekaln sesuatu objek warisan.

Di samping itu, adalah untuk pernyataan bagi ‘Setiap lapisan masyarakat harus berganding bahu dalam memastikan setiap objek yang terdapat di tempat mereka harus dipelihara dan dipulihara dengan baik’ pernyataan ini juga mendapat sambutan yang sangat baik iaitu sebanyak 52(82.5%) orang responden telah didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 8(12.7%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’, bagi Responden yang menandakan ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 2(3.2%) dan ‘sangat tidak setuju’ 1(1.6%). Hasil dapatan ini telah menunjukkan bahawa setiap lapisan masyarakat harus berganding bahu dalam memastikan setiap yang terdapat di tempat mereka harus dipelihara dan dipulihara dengan baik.

Seterusnya , pernyataan bagi ‘Pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab bagi menarik minat pengunjung datang ke Kampung Cina, Kuala Terengganu’ ini telah didapati seramai 42(46.7%) orang responden yang menandakan ‘Sangat Setuju’, manakala 12(19.0%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’ dengan pernyataan ini. Sebanyak 7(11.1%) orang responden adalah ‘Tidak Pasti’. Manakala 1(1.6%) responden memilih ‘tidak setuju’ dan 1(1.6%) memilih ‘sangat tidak setuju’. Jelaslah bahawa pernyataan pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab bagi menarik minat pengunjung datang ke Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Akhir sekali adalah untuk pernyataan ‘Pihak bertanggungjawab dan komuniti akan menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan sekitar kawasan Kampung Cina.’. Sebanyak 39(61.9%) orang responden telah didapati ‘Sangat Setuju’ Manakala 14(22.2%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’. Bagi responden yang menandakan ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 7(11.1%) orang manakala yang memilih ‘tidak setuju’ ialah 1(1.6%) dan ‘sangat tidak setuju’ ialah 1(1.6%) jelaslah di sini bahawa pihak bertanggungjawab dan komuniti akan menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan sekitar kawasan Kampung Cina.

Secara keseluruhannya, dapat dipastikan bahawa peratusan yang paling tinggi bagi aspek kesedaran komuniti di Kampung Cina, Kuala Terengganu ialah bagi pernyataan bangunan warisan harus dijaga dan selia dengan baik mengikut aspek dan teknik yang telah ditetapkan bagi memastikan keasliannya terjamin. Hal ini kerana, setiap bangunan warisan yang mempunyai usia ratusan tahun haruslah dijaga dan diselia dengan baik kerana ianya memerlukan penjagaan yang rapi.

4.3.8 Sumbangan dan kepentingan bangunan warisan dari aspek kebudayaan

Penyataan	Sangat setuju	Sederhana setuju	Neutral/Kurang pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Jumlah (orang)
Bangunan di Kampung Cina, Kuala Terengganu mempunyai keunikannya yang tersendiri.	47 (74.6%)	11 (17.5%)	3 (4.8%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Deretan rumah kedai lama, dari Pasar Besar Kedai Payang sehingga pintu gerbang naga Hotel Seri Malaysia, menampilkan kebudayaan Peranakan dengan Lorong-lorong yang dilukiskan dengan gravity dan seni moden	48 (76.2%)	11 (17.5%)	2 (3.2%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Pada setiap tahun akan diadakan pelbagai festival di Kampung Cina, Kuala Terengganu. (sebelum covid-19)	47 (74.6%)	7 (11.1%)	6 (9.5%)	2 (3.2%)	1 (1.6%)	63 (100%)

Komuniti di Kampung Cina meraikan Pesta Peranakan Terengganu pada setiap tahun	43 (68.3%)	11 (17.5%)	7 (11.1%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Komuniti sekitar akan turun padang membantu sekiranya terdapat program di sekitar kawasan Kampung Cina, Kuala Terengganu	44 (69.8%)	9 (14.8%)	8 (12.7%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)

Jadual 4.3.8: Taburan responden mengikut peratusan penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu dari aspek kebudayaan di Kampung Cina, Kuala Terengganu

Sumber: Soal Selidik 2021

Jadual 4.3.8 di atas menunjukkan mengenai penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Terengganu dari aspek kebudayaan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Terdapat lima pernyataan mengenai aspek ini. berdasarkan analisis yang telah dibuat, pernyataan untuk ‘Bangunan di Kampung Cina, Kuala Terengganu mempunyai keunikannya yang tersendiri.’ telah mendapat sokongan yang sangat memberangsakan daripada respondent. Sebanyak 47(74.6%) orang responden telah didapati memilih ‘Sangat Setuju’, manakala 11(17.5%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, hanya 3(4.8%) orang respondent sahaja yang ‘Neutral/Tidak Pasti’. Manakala terdapat 1(1.6%) responden memilih ‘Tidak Setuju’ dan 1(1.6%) memilih sangat tidak setuju hasil daripada dapatan ini,

jelaslah dapat dilihat bahawa responden sangat bersetuju dengan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Selain itu, untuk pernyataan bagi ‘Deretan rumah kedai lama, dari Pasar Besar Kedai Payang sehingga pintu gerbang naga Hotel Seri Malaysia, menampilkan kebudayaan Peranakan dengan Lorong-lorong yang dilukiskan dengan graviti dan seni moden’ mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat di sini, sebanyak 48(76.2%) orang responden didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 11(17.5%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, dan Responden yang menjawab ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 2(3.2%) orang responden dan 1(1.6%) memilih ‘tidak setuju’ dan 1(1.6%) memilih ‘sangat tidak setuju’. Jelaslah bahawa Deretan rumah kedai lama, dari Pasar Besar Kedai Payang sehingga pintu gerbang naga Hotel Seri Malaysia, menampilkan kebudayaan Peranakan dengan Lorong-lorong yang dilukiskan dengan graviti dan seni moden.

Di samping itu, adalah untuk pernyataan bagi ‘Pada setiap tahun akan diadakan pelbagai festival di Kampung Cina, Kuala Terengganu’. (sebelum covid-19) pernyataan ini juga mendapat sambutan yang sangat baik iaitu sebanyak 47(74.6%) orang responden telah didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 7(11.1%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’, bagi Responden yang menandakan ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 6(9.5%) dan ‘tidak setuju’ 2(3.2%) dan ‘sangat tidak setuju’ 1(1.6%). Hasil dapatan ini telah menunjukkan bahawa responden sangat setuju pada setiap tahun akan diadakan pelbagai festival di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Seterusnya, pernyataan bagi ‘Komuniti di Kampung Cina meraikan Pesta Peranakan Terengganu pada setiap tahun’ ini telah didapati seramai 43(68.3%) orang responden yang menandakan ‘Sangat Setuju’, manakala 11(17.5%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’ dengan pernyataan ini. Sebanyak 7(11.1%) orang responden adalah ‘Tidak Pasti’. Manakala

1(1.6%) responden memilih 'tidak setuju' dan 1(1.6%) memilih 'sangat tidak setuju'. Jelaslah bahawa pernyataan Komuniti di Kampung Cina meraikan Pesta Peranakan Terengganu pada setiap tahun mendapat sokongan daripada responden .

Akhir sekali adalah untuk pernyataan 'Komuniti sekitar akan turun padang membantu sekiranya terdapat program di sekitar kawasan Kampung Cina, Kuala Terengganu'. Sebanyak 44(69.8%) orang responden telah didapati 'Sangat Setuju' Manakala 9(14.8%) orang responden lagi adalah 'Setuju'. Bagi responden yang menandakan 'Tidak Pasti' adalah sebanyak 8(12.7%) orang manakala yang memilih 'tidak setuju' ialah 1(1.6%) dan 'sangat tidak setuju' ialah 1(1.6%). Jelaslah di sini bahawa Komuniti sekitar akan turun padang membantu sekiranya terdapat program di sekitar kawasan Kampung Cina, Kuala Terengganu mendapat sokongan yang baik dari responden.

Secara keseluruhannya, sumbangan dan kepentingan kebudayaan di Kampung Cina, Kuala Terengganu telah memperolehi peratusan yang tertinggi bagi pernyataan deretan rumah kedai lama, dari Pasar Besar Kedai Payang sehingga pintu gerbang naga Hotel Seri Malaysia, menampilkan kebudayaan Peranakan dengan lorong-lorong yang dilukiskan dengan graviti dan seni moden. Pernyataan ini merujuk kepada setiap gambaran lukisan yang telah berikan menunjukkan kebudayaan masyarakat peranakan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Menurut A Ghafar Ahmad dan Nurwati Badarulzaman (2001) sesuatu pemuliharaan merupakan salah satu usaha ataupun kaedah yang berkesan bagi memulihara dan memberi suatu yang baharu terhadap bangunan warisan

4.3.9 Aspek Ekonomi Di Kampung Cina, Kuala Terengganu

Penyataan	Sangat setuju	Sederhana setuju	Neutral/ Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Jumlah (orang)
Kampung Cina menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi Negeri Terengganu dari sektor pelancongan	34 (54.0%)	17 (27.0%)	10 (15.0%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Terdapat lebih daripada 20 buah rumah kedai lama berkonsepkan rumah kedai dari Tanah Besar China dan Ho Ann Kiong tample yang menjadi tumpuan pelancong semasa datang ke Kampung Cina.	33 (52.4%)	16 (25.4%)	12 (19.0%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu di	42 (66.7%)	12 (19.0%)	7 (11.1%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)

jadikan sebagai rumah kedai bagi membantu ekonomi masyarakat setempat						
Kebanyakan Bangunan warisan di Kampung Cina dijadikan restoran, kafe, rumah tumpangan dan lain-lain	43 (68.3%)	12 (19.0%)	6 (9.5%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	63 (100%)
Bangunan warisan di Kampung Cina menjadi penyumbang kepada ekonomi penduduk setempat	41 (65.1%)	12 (19.0%)	9 (14.3%)		1 (1.6%)	63 (100%)

Jadual 4.3.9: Taburan responden mengikut peratusan penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu dari ekonomi di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

Sumber: Soal Selidik 2021

Jadual 4.3.9 di atas menunjukkan mengenai penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Terengganu dari aspek ekonomi di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Terdapat lima pernyataan mengenai aspek ini. berdasarkan analisis yang telah dibuat, pernyataan untuk ‘Kampung Cina menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi Negeri Terengganu dari sektor pelancongan’ telah mendapat sokongan yang sangat memberangsakan daripada respondent. Sebanyak 34(54.0%) orang responden telah didapati memilih ‘Sangat Setuju’, manakala 17(27.0%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, hanya 10(15%) orang respondent sahaja yang ‘ Neutral/Tidak Pasti’. Manakala terdapat 1(1.6%) responden memilih ‘Tidak Setuju’ dan 1(1.6%) memilih sangat tidak setuju hasil daripada dapatan ini, jelaslah dapat dilihat bahawa responden sangat bersetuju dengan pernyataan Kampung Cina menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi Negeri Terengganu dari sektor pelancongan.

Selain itu, untuk pernyataan bagi ‘Terdapat lebih daripada 20 buah rumah kedai lama berkonsepkan rumah kedai dari Tanah Besar China dan Ho Ann Kiong temple yang menjadi tumpuan pelancong semasa datang ke Kampung Cina.’mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat di sini, sebanyak 33(52.4%) orang responden didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 16(25.4%) orang responden lagi telah menandakan ‘Setuju’, dan Responden yang menjawab ‘Tidak Pasti’ adalah sebanyak 7(11.1%) orang responden dan 1(1.6%) memilih ‘tidak setuju’ dan 1(1.6%) memilih ‘sangat tidak setuju’. Jelaslah bahawa responden bersetuju dengan pernyataan terdapat lebih daripada 20 buah rumah kedai lama berkonsepkan rumah kedai dari Tanah Besar China dan Ho Ann Kiong temple yang menjadi tumpuan pelancong semasa datang ke Kampung Cina.

Di samping itu, adalah untuk pernyataan bagi ‘Bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu di jadikan sebagai rumah kedai bagi membantu ekonomi masyarakat setempat (sebelum covid-19)’pernyataan ini juga mendapat sambutan yang sangat baik iaitu

sebanyak 42(66.7%) orang responden telah didapati ‘Sangat Setuju’, manakala 12(19.0%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’, bagi Responden yang menandakan ‘Tidak Pasti adalah sebanyak 7(11.1%) dan ‘ tidak setuju’ 2(3.2%) dan ‘sangat tidak setuju’ 1(1.6%). Hasil dapatan ini telah menunjukkan bahawa responden sangat setuju Bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu di jadikan sebagai rumah kedai bagi membantu ekonomi masyarakat setempat.

Seterusnya , pernyataan bagi ‘Kebanyakan Bangunan warisan di Kampung Cina dijadikan restoran, kafe, rumah tumpangan dan lain-lain’ ini telah didapati seramai 43(68.3%) orang responden yang menandakan ‘Sangat Setuju’, manakala 12(19.0%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’ dengan pernyataan ini. Hanya 6(9.5%) orang responden adalah ‘Tidak Pasti’. Manakala 1(1.6%) responden memilih ‘tidak setuju’ dan 1(1.6%) memilih ‘sangat tidak setuju’. Jelaslah bahawa pernyataan kebanyakan Bangunan warisan di Kampung Cina dijadikan restoran, kafe, rumah tumpangan dan lain-lain mendapat sokongan daripada responden .

Akhir sekali adalah untuk pernyataan ‘Bangunan warisan di Kampung Cina menjadi penyumbang kepada ekonomi penduduk setempat’. Sebanyak 41(65.1%) orang responden telah didapati ‘Sangat Setuju’ Manakala 12(19.0%) orang responden lagi adalah ‘Setuju’. Bagi responden yang memilih ‘tidak pasti ’ ialah 9(14.3%) dan ‘sangat tidak setuju’ ialah 1(1.6%). Jelaslah di sini bahawa bagi Bangunan warisan di Kampung Cina menjadi penyumbang kepada ekonomi penduduk setempat pernyataan mendapat sokongan yang baik dari responden.

Secara keseluruhannya, bagi aspek ekonomi di Kampung Cina menunjukkan bahawa pernyataan yang memperolehi peratusan yang tertinggi ialah kebanyakan bangunan warisan di Kampung Cina dijadikan restoran, kafe, rumah tumpangan dan lain-lain. Hal ini kerana, sumber pendapatan yang diperolehi oleh komuniti setempat ialah dengan menjalankan aktiviti

perniagaan di sekitar kawasan bangunan warisan tersebut, bangunan warisan tersebut juga dijadikan rumah kedai bagi aktiviti perniagaan.

4.4 penutup

Kesimpulannya, bahagian ini melibatkan dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji. Bahagian ini menunjukkan bagaimana pengkaji telah mengutip data daripada pelbagai sumber dan pengkaji telah menggunakan dua kaedah campuran iaitu kualitatif bagi menemubual pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Seterusnya, data yang diperolehi daripada kaedah kuantitatif iaitu survey ataupun soal selidik yang telah pengkaji berikan kepada 63 orang responden dengan menggunakan kaedah rawak mudah.

BAB LIMA

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 pengenalan

Bab ini telah membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan tersebut menyentuh keseluruhan topik yang dapat dilihat oleh pengkaji dimana terdapat bahagian-bahagian yang saling berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan cadangan yang perlu diketengahkan melalui kajian ini. Melalui perbincangan ini, pengkaji mampu mengulas dengan lebih mendalam secara kritis supaya dapat merungkaikan segala kekuatan dan kelemahan hasil daripada dapatan kajian. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, terdapat cadangan yang dinyatakan kepada pihak yang berkaitan bagi tujuan menambahbaik dalam pengurusan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu supaya ianya dapat memberikan sumbangan dan keselesaan kepada pengunjung pada masa akan datang.

Kesimpulan yang diperolehi dalam bab satu dalam kajian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian. Latar belakang pengkaji telah memilih Kampung Cina, Kuala Terengganu sebagai tempat kajian. Permasalahan kajian dikenalpasti bahawa pengurusan yang dilaksanakan oleh pihak berkaitan iaitu Majlis Bnadaraya Kuala Terengganu dalam menjaga pengurusan bangunan warisan di Kmapung Cina, Kuala Terengganu yang dilihat masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Hal ini dapat dilihat melalui bangunan-bangunan warisan tersebut seperti tidak terjaga dan kurang menarik perhatian sehinggakan ianya tidak kelihatan seperti bangunan warisan. Pada masa yang sama juga bangunan warisan tersebut tidak mendapat sambutan yang hebat daripada komuniti setempat. Hal ini kerana, komuniti yang tinggal di kawasan tersebut seperti tidak mengendahkan bangunan warisan yang berada disekeliling mereka. ianya dapat

dilihat jika terdapat program-program yang dijalankan komniti di kawasan tersebut kurang melibatkan diri. Kepentingan kajian dijalankan adalah untuk menilai pengurusan yang telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. selain untuk mengetahui bagaimana aspek serta teknik-teknik yang dijalankan oleh pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan tersebut.

Selain itu, bab dua membincangkan mengenai sorotan kajian tentang kajian-kajian yang lepas secara umum mengenai bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Di samping itu, pengkaji juga turut merujuk kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini tentang bangunan-bangunan warisan dan juga aspek pengurusan yang perlu dijalankan untuk penjagaan bangunan warisan. Selain itu, ulasan dan pendapat pengkaji berkaitan buku dan kajian terdahulu berkaitan dengan tajuk peranan pihak bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pemuliharaan bangunan warisan akan dimuatkan dalam bab ini sebagai rujukan kepada pengkaji. Kajian ini juga mementingkan sorotan kajian yang lepas kerana ianya dijadikan sebagai contoh dan panduan terbaik untuk menghasilkan kajian yang sempurna dari setiap sudut.

Di samping itu, Kesimpulan di dalam bab seterusnya adalah mengenai metodologi kajian yang juga merupakan kaedah pengumpulan maklumat dan data yang berkaitan dengan tinjauan yang dijalankan di samping berperanan sebagai medium untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah campuran bertujuan untuk mengukuhkan kesahihan data yang ditulis oleh pengkaji. Pendekatan kaedah kualitatif yang digunakan merangkumi temu bual dimana pengkaji menemubual empat orang informan yang terdiri daripada pegawai di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Pada masa yang sama juga, pendekatan kaedah kuantitatif turut digunakan oleh pengkaji merangkumi soal selidik secara atas talian menggunakan “google form”. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah rujukan kajian lepas untuk memperolehi maklumat mengenai

tajuk kajian ini. Justeru, metodologi kajian amat penting untuk diletakkan dalam sesuatu kajian kerana ianya berperanan memudahkan pengkaji mendapatkan bahan kajian, sumber rujukan serta maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Bab empat ini membincangkan mengenai dapatan kajian dan perbincangan terhadap tema-tema soalan yang diperolehi hasil daripada temu bual bersama informan akan dititikberatkan. Bab ini membincangkan mengenai pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu, aspek yang digunakan oleh pihak bertanggungjawab dalam pengurusan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu serta penglibatan komuniti dalam penjagaan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk mengetahui sama ada informan yang terlibat mempunyai pengetahuan yang baik terhadap pengurusan sesuatu bangunan warisan. Selain itu, data-data yang diperolehi juga saling berkait rapat dengan maklumat berkaitan yang telah diajukan oleh pengkaji. Terdapat sepuluh soalan yang berbeza mengikut objektif untuk ditemu bual. Manakala terdapat lebih sepuluh soalan untuk borang soal selidik mengikut kepada tema yang ditetapkan yang merangkumi aspek kesedaran komuniti, aspek sumbangan dan kepentingan kebudayaan dan juga daripada aspek ekonomi.. Setiap daripada hasil tersebut dilakukan berlandaskan objektif yang telah diselaraskan untuk melengkapkan kajian ini.

5.1 Cadangan

Bagi menjamin banguna warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu terus berdiri megah dan keasliannya terjamin , terdapat beberapa cadangan meliputi aspek seperti penambahbaikan infrastruktur. Ini adalah untuk memastikan penduduk sekitar bangunan warisan tersebut dan masyarakat luar dapat menikmati suasana pelancongan yang bermakna dan penuh dengan daya tarikan. Cadangan adalah seperti berikut:

5.1.1 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

Pengkaji mencadangkan bagi pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dapat meneruskan lagi usaha dengan lebih gigih untuk menjaga keaslian bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu dengan memastikan perjalanan pengurusan berjalan dengan sistematik dan lancar serta segala penyelenggaraan kemudahan yang terdapat di kawasan bangunan warisan tersebut terus dilaksanakan seperti sekarang ini. Hal ini bertujuan kerana Kampung Cina, Kuala Terengganu merupakan salah satu tempat pelancongan yang paling dilawati dan menjadi tumpuan pelancong di dalam negara dan juga luar negara.

5.1.2 Komuniti Setempat

Bagi komuniti setempat pula, pengkaji mencadangkan supaya mereka lebih prihatin dan bekerjasama dengan pihak bertanggungjawab untuk menjaga dan melibatkan diri mereka sekiranya terdapat program-program yang dilaksanakan melibatkan bangunan warisan tersebut. Hal ini kerana, jika bukan komuniti dan masyarakat setempat yang mengambil perhatian siapa lagi yang akan menjaga dan memelihara bangunan tersebut. Bangunan warisan merupakan hak yang perlu dijaga dan dihormati supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

5.2 Kesimpulan

Bangunan warisan merupakan harta yang paling penting untuk dijaga dan diuruskan dengan baik. Bangunan warisan yang berdiri teguh sejak berabad lamanya haruslah sentiasa dihormati dengan baik kerana ianya bukan sahaja menjadi lambang kemegahan sesuatu budaya tetapi ianya juga menjadi lambang kepada perkembangan sesuatu tamadun dan peradaban manusia. Aspek pemeliharaan dan pemeliharaan bangunan haruslah menggunakan prosedur serta langkah-langkah yang betul bagi memastikan nilai sentimental yang ditinggalkan masih utuh bagi mengekalkan keasliannya.

Oleh itu, semua pihak bertanggungjawab yang terlibat dalam pengurusan bangunan warisan haruslah sentiasa berganding bahu supaya bangunan warisan yang terdapat di tempat masing- masing hendaklah diurus dan dijaga dengan baiknyanya supaya ianya mampu dilihat dan dirasai oleh generasi-generasi akan datang. Pihak bertanggungjawab yang berada di peringkat atasan, peringkat pertengahan, serta peringkat bahawan haruslah memastikan setiap bangunan yang berstatus warisan dan bersejarah perlulah di ambil berat kerana ianya merupakan identiti yang penting kepada setiap masyarakat yang berbudaya.



RUJUKAN

A Ibrahim, SN Harun, MZ Shamsudin. (2012). Skima Warna Asal Bangunan Warisan Di Malaysia. *1 st International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment 2012 (ICITSBE 2012)*, 745-749

Ahmad Nasihin Bin Sukarni, 1999: Kajian Pelancongan: Kajian Kes Terhadap Bangunan warisan Di Bandaraya Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Rancangan Pengajian

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan (2012) Jabatan Warisan Negara.

Hamidi Ismail, Abd Rahim Md Nor, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (2013) Penglibatan komuniti dalam aktiviti perancangan

H Zakaria, K Arifin, S Ahmad, K Ayub. (2010). Pengurusan Fasiliti Dalam Penyelenggaraan Bangunan: Amalan Kualiti, Keselamatan Dan Kesihatan. *Journal of Techno-Social 2(1)*, 23-36

Ibrahim, Y., Mohamad, S. & Ahmad, H. 2008. Pelancongan Malaysia: isu pembangunan, budaya, komuniti, dan persetempatan. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Retrieved from <http://books.google.com.my/books?id=JA-s3ReHRDgC>

Jaafar Muhammad. (2000). Asas Pengurusan. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti

Jabatan Warisan Negara (2009) Warisan Kebangsaan 2009. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.

Jabatan Warisan Negara (2007) 50 Warisan Kebangsaan. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.

Jia Wen (2007) *Stakeholder Participation Approach in Urban Cultural Heritage Management and Conservation*. Brandenburg University of Technology, Cottbus.

JM Ivancevich, MT Matteson, R Konopaske. 1990. Organization behavior and management. *Bpi/ Irwin 1990*.

Juhary Ali dan Ishak Ismail. (2004). Prinsip Dan Amalan Pengurusan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

MA Abdul Rahman. (2013). Model kejayaan utama amalan terbaik pengurusan penyenggaraan bangunan warisan di Malaysia. 1-59

MA Shari. (2006). Pengurusan penyenggaraan bangunan lama kajian kes: Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, Johor. 1-31

NS Ab Rashid, NIMKH Daud. (2014). Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Bersejarah Kepada Memorial Kebangsaan. *Journal of Design and Built Environment 14 (1)*, 1-12

Omar, M.N. (2016) Teori Dan Konsep Pengurusan Dakwah: Satu Tinjauan Awal Jurnal Ilmi, *Jilid 6*, 149-168.

Pickard, R. (1994). Fire Safety and Protection in Historic Buildings in England and Ireland- Part II. *Journal: Structural Survey*, Vol. 12 No. 3, 1993/4, pp. 8 -10

Persson, Hanna C.; Törnbohm, Karin; S. Sunnerhagen, Katharina; Törnbohm, Marie (2017): The six steps for the thematic analysis according to Braun and Clarke. PLOS ONE. Dataset. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0181006.t003>

RA Rashid. (2011). Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan Di Malaysia. 1-40

RAC Rose, NA Khalid. (2017). Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan di tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: perspektif peniaga dan pelancong tempatan. *Geografi 5 (3)*, 1-7

SNF Zuraidi, ZA Akasah, MA Abdul Rahman. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. *PERSIDANGAN KEBANGSAAN SAINS SOSIAL UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan 20-21 April 2011*, 1-12

Yazid Saleh (2010) Pengenalan Pemuliharaan Bandar. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Zalina Haji Samadi, Shahril Anwar Mahmud, Mawar Masri (2003) Pemuliharaan Warisan Senibina Rumah Kedai Bagi Kemakmuran Bandar: Isu dan Cabaran. Universiti Teknologi MARA, Perak.

Yusoff, M.Y. M. (2008). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159

YM Yusoff, H Dollah. (2011). Akta Warisan Kebangsaan , 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu (8)* 2011:173-188

Zuraidi, S.N.F., Rahman, M.A.A and Akasah, Z. A., (2016). Elements of Building Defect: A Review Of The Recent Literature, 13th Universiti Malaysia Terengganu International Annual Symposium on Sustainability Science and Management: Science and Technology for Sustainable Livelihood: 13 – 15 December 2016, Primula Beach Hotel/ organized by: Kenyir Research Institute

LAMPIRAN



Gambar 1: Temubual bersama Informan 1, Puan Khairin Nadia Binti Khalid

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 2: Pintu Gerbang Kampung Cina, Kuala Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

MALAYSIA
KELANTAN

TRANSKRIP TEMUBUAL

Pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan di Kampung Cina, Kuala Terengganu.

NAMA INFORMAN	Puan Noor Khairin Nadia Binti Khalid
PERANAN	Penolong pengarah perancangan bandar, MBKT
TARIKH TEMUBUAL	12 Desember 2021
MASA	10.30 Pagi-11.30 Pagi
LOKASI	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, MBKT

Sejarah tempat	Kalau macam nak tahu pasal sejarah tempat ini, mungkin boleh tanya orang... kita kena pergi 'site visit' la
Agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan(NGO) serta individu terlibat	Pastu agensi yang terlibat ni... yang persendirian ... tuan pemunya bangunan tula ... aaa ... kalau MBKT ini sebagai yang buat kawalan terhadap bangunan sahaja la....
Sistem pengurusan yang diamalkan	Kalau dia nak buat renovation... contohnya kepada 2 tingkat ke 3 tingkat ke ... kita kawal sahaja... aaaa... tapi kita jaga la bangunan tu, bawah bidang tanggungjawab MBKT, bangunan sendiri tanggungjawab sendiri dan Kampung Cina ini bukan digazetkan
Jumlah kewangan yang dikeluarkan untuk proses pemuliharaan dan pemeliharaan	jadi dari segi eee... apa eee...kos sendiri. Maknanya kalau hantar pelan ke MBKT...MBKT bawak ke mesyuarat OAC ... maknanya kita dalam mesyuarat OAC tula lulus ke tolak, baru dia boleh buat. Yang buat kewangan pun ...aaa... milik persendirian la, bukan bawah MBKT la
Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab	Maknanya program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab ini, dia ada MPKK... aaa.. jadi segala aktiviti dia ada MPKK pastu dia ada juga persatuan dia, persatuan ...eee ... persatuan peniaga Kampung Cina... eee.. jadi lebih kepada organisasi itu sendiri la, kalau MBKT ini dia nak mohon contohnya nak pinjam kanopi... aaa maknanya dari segi ...aaa... dari segi jual beli dia kena mohon lesen dekat dekat kita, macam tula kita kawal di MBKT.

Mengkaji aspek atau teknik pengurusan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan yang terdapat di Kampung Cina, Kuala Terengganu

<p>Perancangan jangka masa yang ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bangunan warisan</p>	<p>Kalau untuk perancangan jangka panjang ini... aaa. Pihak MBKT tetap akan kawal juga bangunan-bangunan itu... aaa... tapi selebihnya pemilik bangunan itu sendiri la yang perlu jaga dan urus... haaa... Tapi kalau nak tambah tingkat bangunan ke apa dia tetap kena 'inform' dekat MBKT la, sama ada lulus atau tidak lulus... sebab kalau bab-bab bangunan ni...eeee. Kita kena kawal jugak sebab ada tahap-tahap dia, tak boleh buat sembarangan... aaaa... kalau nak tinggi pun tak boleh jugak sebab ada kawalan dia.</p>
<p>Kemudahan fasiliti yang disediakan</p>	<p>Pastu kita juga jaga parking ...aaa... parking tak cukup tak boleh ... aaa ... kita jugak sedia tong sampah la untuk bangunan tu, sebab kawasan rumah kedai kan pastu tempat kawasan pelancongan pulak.. aaa..</p>
<p>Penjagaan kebersihan dan keselamatan</p>	<p>Haaa... bahagian sampah-sampah memang bawah MBKT ...aaaa... sebab dia bayar servis ...aaa... sebab bawah persekitaran dia perlu bayar la, jadi ... aaa... adalah lori sampah kutip dekat kedai tu adalah... aaa... sebab MBKT akan jaga kebersihan di kawasan tu sebab dia bayar servis persekitaran</p>
<p>Pengekalan keistimewaan reka bentuk bangunan</p>	<p>Jabatan warisan negeri dulu ada buat pelan Tindakan Shahbandar, jadi untuk kawal keaslian dia tu la... aaa..dulu ada la tapi ...eee... sekarang ini... aaa... benda itu sehingga 2010 sahaja...aaa jadi sekarang ini, kita ikut itu la tpi keaslian dia tu kita bentuk warisan la ...aaa... sebab nak sama dengan keaslian yang sama sekeliling dia tu saja,</p>